



selangorkini

PERCUMA

PP 19570/07/2020 (035196)

EDISI 26 OKTOBER - 1 NOVEMBER 2023

www.selangorkini.my

Negeri saran tubuh universiti tahfiz

Penubuhan institusi pendidikan tersebut bakal memantapkan lagi bidang pengajian agama di Selangor. Giat cari lokasi sesuai, Kerajaan Negeri terbuka untuk berbincang model pentadbiran menara gading itu

MUKA 2

Sidang niaga raih potensi pelaburan RM4 bilion

Nilai urus niaga yang dimeterai dalam memorandum persefahaman melibatkan pelbagai sektor perniagaan dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor mengatasi sasaran awal RM1.5 bilion

MUKA 4



Dato' Menteri Besar Datu' Seri Amirudin Shari menyampaikan sijil kecemerlangan hafazan 30 juzuk dan pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia sempena sambutan 40 Tahun Jubli Delima Pusat Pendidikan Hafiz di Klang pada 21 Oktober 2023. Foto FIKRI YUSOF ▶ BERITA MUKA 2

Akan Datang SISTEM e-TANAH NEGERI SELANGOR

Apakah e-Tanah?

Aplikasi kerajaan elektronik bersepadu untuk menjalankan urusan pentadbiran tanah secara elektronik selaras dengan Program Transformasi Kerajaan (GTP) dan Dasar IR4.0 Negara

Kaunter SPoC (Single Point of Contact)

Portal Awam

Pendaftaran Akaun Pengguna

Permohonan Dalam Talian

e-Carian

e-Semakan

e-Bayaran

Pengurusan Wakil

Faedah e-Tanah

KEPADA KERAJAAN

- Peningkatan Transaksi
- Tarikan Pelabur
- Perkongsian Data
- Laporan Komprehensif
- Sistem Kerja Sistematis
- Tenaga Kerja Dioptimumkan

KEPADA AWAM

- Meningkatkan Hasil Kerajaan
- Meningkatkan Sistem Pengumpulan Perkhidmatan
- Mengurangkan Pénipuan
- Perkhidmatan Dalam Talian
- Kaunter SPoC
- Capaian Maklumat
- MEMUDAHKAN URUSAN
- MENJIMATKAN MASA DAN KOS

<https://ptg.selangor.gov.my> |
 03 5520 5613 (e-Tanah Helpdesk) |
 03 5544 7000 (PTGS) |
 Pejabat Tanah dan Galian Selangor |
 etanah_helpdesk@selangor.gov.my |
 PuncakTegap

Lanjut pemutihan sekolah maahad

KLANG - Tempoh program pemutihan pusat tahfiz persendirian dilanjut bagi memberi ruang kepada pengusaha menyelesaikan beberapa isu khususnya melibatkan pihak berkuasa tempatan (PBT).

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari menjelaskan lanjutan hingga akhir tahun depan itu dibuat supaya institusi tersebut memperoleh pensijilan mengikut ketetapan garis panduan.

"Sebahagian besarnya (pemutihan) sudah selesai seperti kesihatan, bomba, bangunan kecuali PBT yang kini sedang menyelesaikan satu persatu.

"Masa pemutihan dilanjut hingga akhir tahun depan untuk memberi masa kerana sebahagiannya bukan salah mereka (pengusaha). Kebenaran peringkat PBT ada tangguhan sebab melalui proses tertentu," katanya.

MBOR iktiraf Pusat Pendidikan Hafiz

KLANG - Pusat Pendidikan Hafiz yang ditubuhkan pada 1983 menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) sebagai sekolah Islam integrasi pertama di negara ini.

Pegawai MBOR Siti Hajar Johor menyerahkan sijil berkenaan kepada Pengerusi Pusat Pendidikan Hafiz Asemah Mohd Din sambil disaksikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari.

Menurut Amirudin, kejayaan institusi tersebut wajar dijadikan contoh bagaimana sebuah organisasi diurus dengan baik meskipun hanya bermula sebagai pusat tuisyen pada 40 tahun lepas.

"Kita harus mengambil pengalaman dan pengajaran bagaimana mereka bermula, bertapak dan berkembang sehingga menjadi institusi setanding dengan yang lain," katanya pada 21 Oktober.

Muhammad Haneefa Hussin, pengarah Pusat Pendidikan Hafiz, pula bersyukur atas pengiktirafan tersebut kerana ia usaha yang panjang untuk ke peringkat kini.

Titah perbahasan berlangsung tertib

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan perbahasan dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) harus berlangsung dengan tertib dan mematuhi peraturan sedia ada.

Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj tidak mahu perjalanan sidang dewan berkenaan dicemari peng-



gunaan bahasa kasar dan tidak sopan serta perangai yang boleh dianggap tidak bertamadun.

Baginda bertitah demikian dalam sesi menerima menghadap Speaker Dewan Negeri Selangor yang baharu Lau Weng San di Istana Bukit Kayangan di sini pada 18 Oktober. Menurut Selangor Royal Office di

Facebook, Weng San dititah meneruskan kesinambungan Speaker terdahulu dalam mengendalikan perjalanan sidang dengan adil, lancar dan tidak berat sebelah.

"Baginda turut memberi kredit dan penghargaan kepada speaker terdahulu daripada DAP yang dilantik sejak 2008 kerana berjaya mengawal keadaan setiap kali sidang berlangsung di dalam dewan yang mulia itu," kata kenyataan tersebut.

Perkukuh institusi agama

Tubuh universiti tahfiz pertama

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KLANG - Kerajaan Negeri bercadang untuk menubuhkan universiti tahfiz pada masa depan bagi mengukuhkan lagi institusi pengajian agama di Selangor.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata pihaknya juga sedia berbincang dengan mana-mana pihak berkaitan model mahupun corak pentadbiran institusi pendidikan tersebut.

"Kita sangat terbuka. Pentadbiran boleh diatur dan model penubuhannya juga boleh dibincang," katanya semasa merasmikan sambutan 40 tahun Jubli Delima Pusat Pendidikan Hafiz di sini.

Beliau turut menyampaikan sijil kecemerlangan hafazan 30 juzuk dan pe-

lajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dalam majlis berkenaan pada 21 Oktober.

Amirudin percaya penubuhan universiti itu boleh dibuat jika ada lokasi sesuai, apatah lagi pusat tahfiz ada kerjasama dengan Universiti Al-Azhar dan Universiti Islam Selangor (UIS).

"Kalau dilihat perkembangannya, ia boleh dilaksanakan, cuma perlu tengok lokasinya kerana banyak kawasan kini digazet untuk institusi atau sekolah.

"Ini boleh dimuktamad, lebih baik jika digabung dengan UIS, cuma ada masalah keluasan tanah. Jika di Universiti Selangor, ada lebih sekitar 1,000 ekar tetapi tiada jurusan agama," katanya.

Amirudin menambah pentadbiran negeri sentiasa memperkemas pelbagai aspek di pusat tahfiz termasuk isu

keselamatan, kesihatan dan pendidikan supaya institusi itu dipandang tinggi.

"Kita mahu Islam menjadi platform untuk cemerlang di dunia dan akhirat bukannya menampakkan imej-imej tidak sesuai.

"Malah, kita mahu melahirkan pelajar yang bukan sahaja menghafaz al-Quran tetapi menjadi manusia yang baik dan bertamadun, lengkap dengan peradaban," katanya.

Beliau menambah negeri juga mewujudkan program laluan pantas bagi membantu pelajar tahfiz menduduki peperiksaan SPM melalui kelas tambahan yang diatur Jabatan Agama Islam Selangor.

"Kita beri peluang lebih 1,000 pelajar dan mereka bukan sahaja lulus, bahkan mendapat keputusan cemerlang," katanya.

Teknologi pelihara alam sekitar

KUALA SELANGOR - Pembinaan loji sisa kepada tenaga (WTE) di Jeram dan penunu sampah (insinerator) di Batu Arang bertujuan menjaga kualiti alam sekitar dan keselamatan penduduk.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata perkara itu diteliti lebih 10 tahun sejak 2008 termasuk membawa pihak tertentu dari luar negara bagi melihat proses berkenaan.

"Penjelasan dibuat berulang kali dalam Dewan Negeri Selangor. Kita buat lawatan di Tokyo, di tengah bandar dan sebagainya. Saya rasa ini bukan insinerator tahun 80-an dan 90-an.

"Kita kena percaya kepada teknologi, tengok macam mana ia beroperasi dan kita lihat di beberapa negara yang selamat macam Jepun atau China," katanya pada 17 Oktober.

Beliau menambah penggunaan teknologi sedemikian sesuai bagi menangani isu sampah berikutan jangkaan pertumbuhan penduduk di negeri ini.

Amirudin juga menjelaskan pelupusan sisa pepejal di tapak sampah ketika ini hanya merugikan berikutan tempoh guna tanah tersebut tidak bertahan lama.

Belanjawan dibentang 10 November

SHAH ALAM - Belanjawan Selangor 2024 bakal dibentang pada 10 November bersekali sidang Dewan Negeri Selangor (DNS) yang dijadual berlangsung selama dua minggu.

Speakernya Lau Weng San menjelaskan pembentangan yang akan dibuat Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkaitan isu jaminan kehidupan

dan keperluan segenap lapisan rakyat.

"Sepanjang persidangan, berkemungkinan rang undang-undang perbekalan tambahan tahun ini juga diluluskan selain setiap EXCO menghujah portfolio masing-masing," katanya pada 18 Oktober.

September lalu, Amirudin berkata belanjawan 2024 dijadual dibentang

dalam pertengahan November dan menunggu perkenan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Bagi belanjawan negeri tahun ini, sebanyak RM2.45 bilion diluluskan melibatkan perbelanjaan pengurusan berjumlah RM1.25 bilion manakala pembangunan pula RM1.2 bilion.

IMBAS DI SINI
akhbar digital minggu lepas





DISCOVER PKNS

MEGA FINALE

27 - 29 OKTOBER 2023

**JUMAAT 5 PETANG - 10 MALAM
SABTU DAN AHAD 9 PAGI - 11 MALAM**

TAPAK KARNIVAL STADIUM SHAH ALAM

KONSERT | PESTA MAKANAN | AKTIVITI KANAK-KANAK | DUNIA DINOSAUR | PERTANDINGAN KUMPULAN MUZIK | HARI BERSAMA PELANGGAN PKNS | JUALAN HARTANAH PKNS | URUSAN PINDAH MILIK GERAN RUMAH | JUALAN POKOK BUNGA | EKSPLO KERJAYA | JUALAN EHSAN RAHMAH | JUALAN USAHAWAN PKNS | PAMERAN AGENSI KERAJAAN | PEMERIKSAAN KESIHATAN PERCUMA DAN PELBAGAI AKTIVITI MENARIK



 **03 5525 0300**

pkns.gov.my

 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
  PKNS OFFICIAL

PKNS
HOMES

Kongsi data agensi percepat urusan

KUALA LUMPUR - Selangor negeri pertama membangunkan portal perkongsian bersepadu antara 70 jabatan dan agensi bagi memudahkan capaian dan mempercepat pemrosesan data.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata Perkongsian Data Negeri Selangor (SelGDX) yang beroperasi sejak 13 Oktober turut memudahkan orang awam memperoleh maklumat.

"Sistem ini memudahkan capaian dan pemrosesan data lebih cepat, selamat dan tepat selain memupuk penggunaan teknologi dan amalan tadbir urus baik, berkesan dan telus," katanya.

Beliau melancarkan portal berkenaan yang fungsinya rentas jabatan dan agensi negeri ketika merasmikan Konvensyen Bandar Pintar Selangor dan Ekonomi Digital ke-8 pada 20 Oktober.

Dalam Belanjawan 2022, dana RM2 juta disediakan bagi membangunkan SelGDX supaya data antara agensi kerajaan dan sektor awam diselaraskan sekali gus mempertingkatkan kecekapan penyampaian.

Mydin langgan e-dompot Wavpay

KUALA LUMPUR - Mydin Mohamed Holdings Berhad (Mydin) syarikat pertama melanggan aplikasi e-dompot Wavpay yang dibangunkan anak syarikat Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan), Wavpay Fintech Holding Sdn Bhd.

Pengerusinya Dato' Teng Chang Khim berkata aplikasi Mydinpay menggalakkan transaksi tanpa tunai serta kegiatan pendigitalan selain menaikkan imej korporat syarikat berkenaan.

"Menerusi aplikasi ini, urusan beli-belah pelanggan lebih mudah malah boleh menerima manfaat sampingan seperti pengumpulan bonus.

"Aplikasi ini memudahkan pihak yang melanggan mempunyai identiti jual beli sendiri. Untuk bangunkan sistem ini perlukan kos tinggi namun kerjasama ini dapat menjimatkan," katanya.

Beliau menyaksikan majlis menandatangani perjanjian antara Pengarah Urusan Mydin Datuk Ameer Ali Mydin dan Wavpay Fintech Holding pada 20 Oktober.

Chang Khim juga memaklumkan beberapa syarikat gergasi termasuk pasar raya turut menunjukkan minat untuk menggunakan perkhidmatan aplikasi tersebut.



MENARIK... Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj bersama DYMM Tengku Permaisuri Selangor Tengku Permaisuri Hajah Norashikin (kanan) mendengar taklimat Pengarah Institut Penyelidikan Perubatan Dr Tahir Aris (tiga, kiri) semasa melawat makmal penyelidikan di Shah Alam pada 19 Oktober. Turut hadir Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa (kiri). Foto NUR ADIBAH AHMAD IZAM ▶ BERITA MUKA 8

SIBS 2023 tarik 50,000 pengunjung

Catat RM4 bilion potensi pelaburan

Oleh **ZAREEF MUZAMMIL**

KUALA LUMPUR - Penganjuran Sidang Kemuncak Perniagaan Antara-bangsa Selangor (SIBS) selama empat hari mulai 19 Oktober menggamit kira-kira 50,000 pengunjung termasuk luar negara.

Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berkata edisi ketujuh acara kendalian Invest Selangor Berhad (Invest) itu mendapat sambutan luar biasa khususnya pemain industri rentas sektor.

"Ia memang jelas sejak hari pertama lagi yang mana kita dapat lihat maklum balas sangat baik. Setakat semalam, sekitar 41,000 pengunjung.

"Kita jangka dapat capai angka 50,000 sebagaimana disasarkan. Jika

tidak capai, mungkin angkanya kurang sedikit daripada sasaran dibuat.

"Jumlah ramai ini menunjukkan komitmen besar daripada komuniti perniagaan dan kita sediakan perkhidmatan untuk mereka bincang serta cari titik kombinasi yang melahirkan memorandum persefahaman (MoU) ditandatangani," katanya.

Terdahulu, beliau merasmikan penutup Ekspo Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi (SRIE) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur di sini pada 22 Oktober.

Dalam pada itu, Amirudin berkata SIBS 2023 turut mencatat nilai potensi pelaburan mencecah RM4 bilion setakat 21 Oktober, mengatasi sasaran RM1.5 bilion.

"Setakat ini RM4 bilion tetapi angka rasmi akan dikeluarkan penganjur da-

lam seminggu dua lagi untuk melihat keseluruhan kejayaan program ini.

"Selepas ini paling penting bukan kumpul MoU, tetapi bagaimana mahu 'materialise' benda ini. Sebahagian besar patut digerakkan peniaga itu sendiri kerana akhirnya ini melibatkan kewangan mereka dan peluang untuk kembangkan perniagaan," katanya.

Sementara itu, Selangor menyasar pelaburan berkualiti seiring perkembangan industri semasa sekali gus membuka peluang kerja bergaji tinggi kepada rakyat.

Amirudin berkata sektor sedemikian dikenal pasti meliputi pengangkutan awam, automasi, penyelesaian perubahan iklim, bioteknologi dan farmaseutikal sebagai persediaan sekiranya berdepan endemik atau wabak penyakit.

WAKTU SOLAT	26 OKT - 1 NOV 2023 11 - 17 RABIUAKHIR 1445	Hulu Selangor, Gombak, Petaling, Shah Alam, Hulu Langat dan Sepang							Klang dan Kuala Langat							Sabak Bernam dan Kuala Selangor						
		Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
26 Khamis		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:59	8:09	5:38	5:48	6:56	1:01	4:19	7:00	8:11	5:41	5:51	6:57	1:02	4:21	7:01	8:12
27 Jumaat		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:59	8:09	5:38	5:48	6:56	1:01	4:19	7:00	8:11	5:41	5:51	6:57	1:02	4:21	7:01	8:12
28 Sabtu		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:59	8:09	5:38	5:48	6:56	1:00	4:19	7:00	8:11	5:41	5:51	6:57	1:02	4:21	7:01	8:12
29 Ahad		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:59	8:09	5:38	5:48	6:56	1:00	4:20	7:00	8:10	5:41	5:51	6:57	1:02	4:22	7:01	8:11
30 Isnin		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:59	8:09	5:38	5:48	6:56	1:00	4:20	7:00	8:10	5:41	5:51	6:57	1:02	4:22	7:01	8:11
31 Selasa		5:38	5:48	6:55	1:00	4:19	6:58	8:09	5:38	5:48	6:56	1:00	4:20	7:00	8:10	5:40	5:50	6:57	1:02	4:22	7:01	8:11
01 Rabu		5:38	5:48	6:55	1:00	4:20	6:58	8:09	5:38	5:48	6:56	1:00	4:20	6:59	8:10	5:40	5:50	6:57	1:02	4:22	7:00	8:11

Asrama pekerja asing berkualiti

PKNS jalin kerjasama bangunkan kemudahan kuarters secara terancang

Oleh NORRASYIDAH ARSHAD

KUALA LUMPUR - Perbadanan Kema-juan Negeri Selangor (PKNS) bersama anak syarikat, PKNS FM Intergrated Sdn Bhd (PKNS FMI) dan Inter Great (M) Sdn Bhd bekerjasama membangunkan asrama pekerja asing di negeri ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PKNS FMI, Shamshul Bahari Ahmad berkata, menerusi memorandum persefahaman (MoU), kediaman pekerja sama ada kuarters penempatan sementara (TLQ) atau kuarters pekerja berpusat (CLQ) lebih terjamin memandangkan pembangunannya secara terancang.

Jelas beliau, MoU selama dua tahun yang ditandatangani ketika perasmian Sidang Kemuncak Niaga Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 itu, mampu mengurangkan kos pembinaan namun tetap menjamin pulangan berkualiti.

"Reka bentuk asrama ini dilengkapi ciri keselamatan selain pelbagai kemudahan disediakan. Ini bertujuan memastikan keadaan pekerja industri lebih terurus dan tahap keselamatan memuaskan.

"PKNS bertindak sebagai pemaju manakala Inter Great bertanggungjawab



membina struktur bangunan. Apabila siap, tugas menyelenggara penempatan ini diuruskan oleh PKNS FMI," katanya kepada SelangorKini.

Menurut Shamshul Bahari, menerusi pelan jangka panjang, PKNS menyasarkan 50,000 unit CLQ akan terbina menjelang 2032 dengan setiap projek

mengambil masa empat tahun untuk siap sepenuhnya.

"Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan PKNS mahu CLQ beroperasi menjelang 2027 dan badan itu komited membantu termasuk mendapatkan permit bangunan sementara. Manakala kediaman asrama kategori TLQ, PKNS menyasarkan 8,000 unit dapat dibina menjelang tahun depan," katanya.

Terdahulu Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Amirudin Shari menyaksikan pemeteraian MoU yang ditandatangani Shamshul bersama Ketua Pegawai Eksekutif PKNS, Dato' Mahmud Abbas dan Ketua Pegawai Eksekutif Inter Great, Dato' Sri Chew Suen Wei.

Pada Januari tahun lalu, Amirudin memaklumkan lebih banyak kompleks kediaman pekerja dibangunkan oleh Kerajaan Negeri bagi menjaga kebajikan golongan itu selain memudahkan pemantauan.

Beliau berkata, pihaknya mengenal pasti tapak seluas 200 ekar untuk menempatkan 60,000 pekerja dan projek dibangunkan PKNS akan dilengkapi kedai dobi, restoran dan kedai runcit.

PKNS FMI jamin pembangunan lebih baik

SHAH ALAM - PKNS FM Integrated Sdn Bhd (PKNS FMI) akan mengurus dan menyelenggara penempatan warga asing sekali gus dapat menjamin keselamatan pekerja sektor serta kemampunan negeri.

Ketua Pegawai Eksekutifnya, Shamshul Bahari Ahmad berkata, pihaknya bertanggungjawab mengendali infrastruktur kuarters penempatan sementara (TLQ) atau kuarters pekerja berpusat (CLQ) yang dibina berikutan pengalaman melawan Covid-19 pada 2020.

Jelasnya, PKNS FMI yang ditubuhkan awal tahun ini turut dilantik sebagai pengurus kawasan perindustrian baharu di Taman Perindustrian Hijau (GRIP) Kota Puteri, Kuala Selangor.

"Kami melaksanakan perancangan, penyelenggaraan, pembangunan dan kecekapan operasi kemudahan infrastruktur dalam kawasan TLQ, CLQ serta GRIP untuk keselesaan dan kebajikan pekerja migran.

"Menerusi perancangan menggunakan teknologi dan sistem pengurusan maklumat terkini, PKNS FMI akan dapat memberikan perkhidmatan terbaik untuk pekerja asing yang bekerja di

Selangor," katanya kepada SelangorKini.

Selain menguruskan penempatan asrama, pihaknya juga dipertanggungjawabkan menyelenggara fasiliti bangunan milik PKNS seperti pasar raya, pejabat dan pangsapuri perkhidmatan.

Beliau berkata, tugas berkenaan dipikul jabatan urus harta sebelum ini namun PKNS FMI ditubuhkan demi memberikan khidmat lebih baik dan dapat mengurus lebih banyak pihak luar.

"Jadi kita akan urus semua aset PKNS. Bermula awal tahun depan kita sasar urus 50,000 unit CLQ bermula di Bandar Sultan Suleiman, Klang dengan kos keseluruhan berjumlah RM120 juta.

"Projek pembangunan Laman Lestari atas tanah seluas 4.35 ekar akan siap dalam tempoh tiga tahun.

"Sementara tunggu CLQ siap, kita akan jalankan projek TLQ juga. Masa untuk projek ini siap lebih pendek dengan jangkaan 1,000 penempatan dapat dibina dalam tempoh enam bulan dan



jangka dapat bina 8,000 unit tahun depan," katanya.

Sempena penganjuran Sidang Kemuncak Niaga Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023, PKNS FMI menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama PKNS dan Inter Great (M)

Sdn Bhd untuk pembangunan pekerja migran.

Katanya, MoU selama dua tahun yang ditandatangani di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) itu mampu mengurangkan kos pembinaan namun tetap menjamin pulangan berkualiti.

Denda untuk jamin bekalan air selamat

KUALA SELANGOR - Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari berharap keputusan mahkamah dalam kes pencemaran air dapat dimuktamad segera sebagai pengajaran kepada semua pihak.

Beliau percaya keputusan badan kehakiman itu berupaya membantu memastikan kelangsungan bekalan dan sumber air negeri ini lebih terjamin seterusnya ia disalurkan tanpa sebarang gangguan lagi.

"Ada sesetengah kes dalam mahkamah. Kita harap dapat dimuktamad segera supaya beri pengajaran kepada semua, ini untuk pastikan kelangsungan bekalan dapat disalurkan," katanya pada 17 Oktober.

Pada November 2020, Kerajaan Negeri melulus pindaan Enakmen Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) setelah gangguan bekalan kerap berlaku akibat pencemaran sungai yang menghenti tugas loji rawatan air.

Lepas air empangan elak limpahan

SHAH ALAM - Lembaga Urus Air Selangor (LUAS) mengurangkan kapasiti air tujuh empangan secara berperingkat sebagai persediaan menghadapi Monsun Timur Laut.

EXCO Infrastruktur Ir Izham Hashim menjelaskan strategi mengurangkan kapasiti simpanan air semua empangan tersebut yang dimulakan sejak pertengahan Ogos memberi dampak positif.

"Pelepasan air ketujuh-tujuh empangan yang dikawal selia LUAS bertujuan mengurangkan kapasiti simpanan air empangan ke tahap 90 peratus kecuali Empangan Klang Gates tahap 85 peratus.

"Tindakan penurunan kapasiti ini hasil inisiatif LUAS untuk sediakan ruang mencukupi bagi semua empangan jika menerima kadar hujan tinggi," katanya dalam kenyataan pada 20 Oktober.

Giat teroka teknologi baharu

KUALA LUMPUR - Selangor giat meneroka teknologi baharu bagi memperkasa sektor pertanian moden sekali gus menjamin bekalan makanan di negeri ini.

EXCO Pelaburan Ng Sze Han berkata pentadbiran negeri bertekad memajukan industri tersebut dengan menggunakan teknologi baharu bagi mendapat lebih hasil seterusnya menampung keperluan rakyat.

"Pertanian moden antara tumpuan Kerajaan Negeri. Kita perlu memperbanyak lagi pertanian moden menggunakan teknologi baharu.

"Kita perlu guna teknologi baharu dengan krisis perubahan iklim, (kekurangan) tenaga kerja dan tanah terhad," katanya dalam Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa (SIBS) 2023 pada 21 Oktober.

Kerjasama pusat jaya projek negeri

SHAH ALAM - Beberapa projek negeri terutama Rancangan Selangor Pertama (RS-1) boleh disegerakan bersama kerajaan persekutuan berikutan ia memberi dampak besar kepada ekonomi.

Dato' Menteri Besar menjelaskan projek itu meliputi Wilayah Pembangunan Bersepadu Selatan (IDRISS), Pembangunan Kawasan Sabak Bernam (SABDA) dan projek Gerbang Maritim Selangor (SMG).

Mengulas projek di kawasan selatan, Dato' Seri Amirudin Shari berkata

pelabuhan ketiga akan dibangunkan di Pulau Carey dan perkara itu ada disebut dalam belanjawan persekutuan 2024.

Katanya, Menteri Besar Selangor (Pejabat Menterian) atau MBI turut berbincang dengan Sime Darby untuk meneroka 10,000 ke 13,000 ekar tanah di kawasan itu bagi membangunkan hab logistik.

"SMG berkeluasan 88,000 ekar menjadikan Sungai Klang landasan pembangunan baharu. Beberapa kawasan dapat dibangunkan dengan lingkaran

LRT (transit aliran ringan) dan MRT (transit aliran massa).

"Kita kenal pasti beberapa projek dan rakan kerjasama untuk SABDA terutama pendaratan ikan di Sungai Lang, Sekinchan dan sektor pelancongan selain membangunkan taman pertanian," katanya.

Beliau menghadiri sesi libat urus bersama Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri di Kuala Lumpur pada 25 Oktober.

Pelajar IPT manfaat sidang niaga

Peluang kerja di sektor halal

Oleh **SOFIA NASIR**

KUALA LUMPUR - Sidang Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 yang berlangsung empat hari berakhir 22 Oktober menawarkan pelbagai pilihan kepada semua golongan.

Pengunjung Abdul Haq Adnan, 21, menganggap penganjuran persidangan berkenaan sebagai peluang untuk beliau mencari pekerjaan selain mempelajari selok belok industri halal.



"Saya ke sini untuk melihat peluang dalam industri selepas tamat belajar kerana saya tidak mahu menganggur," kata pelajar Fakulti Pengajian Islam Universiti Teknologi Mara (UiTM) itu.

Kakitangan swasta Salsabilla Amran, 35, pula mengunjungi SIBS 2023 bagi mencari pembekal makanan dan perubatan yang menawarkan harga dan kemudahan menarik kepada majikannya. Menurutnya, penganjuran sedemikian yang menghimpunkan enam ekspo utama menawarkan pelbagai



pilihan sekali gus berupaya menyediakan perkhidmatan bersesuaian.

"Saya merupakan kakitangan di bahagian urusan pembelian. Jadi saya perlu melihat dan meneliti pilihan paling terbaik untuk majikan saya," katanya pada 19 Oktober.

Kontraktor, Heng Swei Liang, 69, turut mencari peluang padanan perniagaan bagi menjayakan projek berskala besar yang sedang diusahakannya.

"Saya cari pihak yang boleh membantu saya melunaskan sebuah projek pertanian di Sekinchan. Saya lihat di sini ada banyak usahawan dan ini merupakan peluang terbaik," katanya.

Dana besar bina banyak rumah

SHAH ALAM - EXCO perumahan berharap Belanjawan Selangor 2024 memberi dana besar tahun depan memandangkan pelbagai rancangan dirangka demi kehidupan rakyat.

Borhan Aman Shah berkata peruntukan itu dapat menyelaraskan Rancangan Malaysia Ke-12 yang mahu negeri ini membina 500,000 unit rumah.

"Selain menumpukan Rumah Sela-

ngorku, kita juga akan melihat kepada projek terbelengkalai. Pemaju mungkin perlukan bantuan teknikal dan kita cuba membantu untuk pastikan rakyat memiliki kediaman.

"Dalam masa sama, kita juga rancang membaik pulih kediaman projek perumahan rakyat menerusi Skim CERIA. Contohnya tambah baik lif sekali gus dapat menjaga kualiti hidup pen-

tidak," katanya pada 18 Oktober.

Belanjawan Negeri akan dibentangkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari dalam sidang Dewan Negeri Selangor pada 10 November.

Bagi belanjawan negeri tahun ini, sejumlah RM2.45 bilion diluluskan melibatkan perbelanjaan pengurusan berjumlah RM1.25 bilion manakala pembangunan pula sebanyak RM1.2 bilion.

Tumpu persediaan atlet SUKMA

HULU LANGAT - Belanjawan Selangor 2024 yang akan dibentangkan 10 November harus memberi tumpuan kepada aspek pembangunan sukan sebagai persediaan menghadapi Sukan Malaysia (SUKMA).

EXCO Belia dan Sukan Najwan Halimi berharap ada pertambahan peruntukan berbanding belanjawan tahun sebelumnya bagi memastikan program latihan dan persediaan atlet dapat

diperkemas.

"Tentu kita mahu agenda sukan dirancakkan. Diharap Belanjawan 2024 dapat kaji keperluan kos dalam memastikan program latihan atlet SUKMA dapat diperkemas serta diperkuat.

"Pastinya kita mahu juara keseluruhan. Kali terakhir juara di Sarawak pada 2016. SUKMA tahun depan, kita harap dapat cipta rekod sama dan lebih banyak pingat," katanya pada 18 Oktober.

Berhubung program berkaitan belia, Najwan berkata pihaknya ada perancangan untuk menggerakkan pelbagai agenda melibatkan golongan tersebut pada tahun depan.

"Pembangunan belia peringkat negeri antara tumpuan kita. Usaha ini seiring dengan agenda pembangunan belia peringkat persekutuan antaranya meremajakan semula program Rakan Muda," katanya.

Teknologi anak tempatan diiktiraf

I-RAA dapat sambutan di The 27th World Road Congress 2023



SHAH ALAM - Dalam usaha mencapai visi menjadi sebuah negeri pintar bertaraf dunia menjelang 2025, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa menyokong inisiatif yang diusahakan oleh syarikat dan agensi di Selangor dalam memperbaharui inovasi teknologi dan transformasi digital.

Penglibatan Selgem Sdn. Bhd. (SELGEM) bersama-sama dengan delegasi Selangor lain iaitu Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor (JKR) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sebagai pemamer di The World Road Congress baru-baru ini, merupakan usaha berterusan kerajaan negeri dalam menggalakkan perkembangan teknologi di negeri Selangor.

The World Road Congress merupakan persidangan antarabangsa yang berlangsung setiap empat tahun dengan menghimpunkan pelbagai agensi dan syarikat yang memberi fokus terhadap bidang infrastruktur dan jalan raya dari serata dunia.

Bertemakan "Together on The Road Again", The 27th World Road Congress pada tahun ini diadakan di Prague, Republik Czech.

Ketua delegasi Selangor EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam negeri Selangor, Ir. Izham Hashim berkata, penglibatan ini merupakan inisiatif kerajaan negeri dengan memperkenalkan teknologi aplikasi Penilaian Jalan Pintar (I-RAA) yang berasaskan sistem kecerdasan buatan (AI), dan pengesanan serta penggunaan sistem LiDAR yang dibangunkan dan digunakan di Selangor kepada wakil delegasi dari pelbagai rantau seluruh dunia.

"Kecanggihan AI mampu menghasilkan analisis data terperinci yang sangat membantu dalam meningkatkan kualiti maklum balas perkhidmatan selenggara jalan raya selain turut



memainkan peranan penting dalam pembangunan bandar pintar," ujarnya.

Selain itu katanya, Sistem Penilaian Kerosakan Rangkaian Jalan Raya (Road Network Defect Assessment atau RONDA) yang dibangunkan bagi membantu JKR dan Infrasel menjalankan kerja penyelenggaraan jalan melalui data kerosakan jalan, banjir dan kegagalan cerun turut diperkenalkan di persidangan itu.

Sementara itu, Pegawai Utama SELGEM, Hafizudin Zakaraya menjelaskan, aplikasi i-RAA yang dipamerkan di kongres berkenaan berjaya menarik minat pengendali global serta pakar industri dari pelbagai benua seperti Eropah, Amerika Selatan, Afrika serta Asia seperti Jepun dan Arab Saudi.

"Rata-rata mereka sangat teruja dengan aplikasi yang diperkenalkan dan berhasrat untuk bekerjasama serta melanggan kepakaran teknologi yang dibangunkan.

"Ini pertama kali kami menyertai program di luar negara dan tidak menyangka sambutan dari pelbagai negara berkenaan teknologi yang dipamerkan amat memberangsangkan.

"Kami harap teknologi yang dibangunkan oleh anak tempatan ini dapat menembusi pasaran seluruh dunia memandangkan pihak SELGEM adalah satu-satunya syarikat di dunia menyediakan platform yang komprehensif, efektif dan mesra pengguna berdasarkan maklum balas dari delegasi-delegasi luar negara sepanjang tempoh pameran berlangsung," katanya.

Lebih RM21 juta bantu peniaga

SHAH ALAM - Kerajaan Selangor berbelanja lebih RM21 juta bagi menjayakan program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan dalam tempoh sedekad sejak 2013.

EXCO Pembasmian Kemiskinan V Paparaidu berkata jumlah itu memanfaatkan 4,321 peserta terdiri daripada usahawan dan penaja kecil yang menerima bantuan perkakas niaga.

"Setiap tahun, kira-kira RM2 juta dipe-runtuk untuk melaksanakan program bantuan ini dengan peserta diberi perkakas atau mesin berniaga mengikut perusahaan yang dijalankan.

"Tahun ini sahaja 334 peserta berpendapatan bawah RM3,000 mendapat manfaat itu berbanding 236 tahun lepas," katanya yang berharap peruntukan program berkenaan diteruskan lagi tahun depan.

78 peratus bayar pembiayaan

SHAH ALAM - Sebanyak 78 peratus daripada 87,090 usahawan Yayasan Hijrah Selangor (Hijrah) konsisten membayar balik pinjaman pelbagai skim yang ditawarkan mengikut jadual.

EXCO pemberdayaan usahawan berkata baki 22 peratus lagi dikesan berdepan kesukaran melunas pembiayaan tetapi Kerajaan Negeri tidak keterlaluan mendesak mereka untuk berbuat demikian.

Sebaliknya, Najwan Halimi menjelaskan pendekatan lain turut diguna pakai iaitu sama ada melanjutkan tempoh bayaran, menurunkan kaedah faedah selain menambah baik proses kutipan.

"Kerajaan Negeri tidaklah menekan mereka untuk menyelesaikan pembiayaan itu mengikut masa (kerana) kita (juga) ada budi bicara," katanya pada 20 Oktober.

Tiga PBT terima anugerah KPKT

SHAH ALAM - Tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) di Selangor merangkul anugerah dalam sambutan Hari Kesihatan Persekitaran Sedunia Kementerian Pembangunan Kerajaan Tempatan (KPKT) 2023.

Menurut Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri pada 18 Oktober, PBT itu ialah Majlis Perbandaran Kuala Langat (MPKL), Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) dan Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang).

MPKL meraih tiga anugerah iaitu tempat pertama pertandingan pengiktirafan medan selera bersih 2023 (kategori B), PBT cemerlang kempen pasar awam bersih 2022 dan kempen basmi tikus 2023.

MPAJ pula dipilih PBT cemerlang bagi kempen basmi tikus 2022 dan kempen membasm hotspot denggi di kawasan PBT 2022 manakala MPSepang dinobatkan PBT cemerlang bagi kempen pasar awam bersih 2023.

Wolbachia turunkan kes denggi

SHAH ALAM - Kajian bakteria sel serangga atau Wolbachia yang dijalankan Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) memberi impak terhadap bilangan kes denggi di negara ini.

Menteri Kesihatan Dr Zaliha Mustafa berkata analisis Kementerian Kesihatan mendapati kes denggi turun antara 33 hingga 100 peratus di kawasan nyamuk Wolbachia dilepaskan.

Beliau memaklumkan penyelidikan Wolbachia pimpinan Pakar Penyelidik Entomologi Perubatan IMR Dr Nazni Wasi Ahmad yang diiktiraf Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) wajar dibanggakan.

"Keunggulan IMR dalam penyelidikan Wolbachia diiktiraf WHO seterusnya menjadikannya tonggak utama menangani masalah Aedes serta penu-

laran penyakit yang disebar melalui nyamuk.

"Wolbachia digunakan untuk merencat virus denggi, zika dan chikungunya di dalam nyamuk melalui suntikan pada telur nyamuk," katanya dalam sembah ucapan pada Hari Terbuka IMR pada 19 Oktober.

Program sempena ulang tahun IMR ke-123 di Kompleks IMR, Setia Alam di sini disempurnakan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj.

Dalam isu lain, Dr Zaliha berkata kerajaan menghargai komitmen institusi penyelidikan bioperubatan terkemuka negara itu yang mewujudkan makmal khas bagi menangani Covid-19.

Beliau menjelaskan lebih 1.3 juta ujian tindak balas berantai polimerase

masa nyata (Rt-PCR) dijalankan makmal itu sejak Januari 2020 hingga Mei tahun lalu bagi mengesan jangkitan wabak.

"Patik mengucapkan rasa hormat dan penghargaan kepada semua pekerja perubatan, petugas kesihatan dan penyelidik yang bekerja tanpa lelah untuk mengatasi pandemik ini.

"Kewujudan makmal khas Covid-19 bukti kesungguhan IMR menyokong usaha mengatasi pandemik," katanya menambah IMR menerajui penyelidikan vaksin jenis virus ternyahaktif dan messenger ribonucleic acid (mRNA).

Beliau menambah IMR yang ditubuh British pada 1990 turut berperanan dalam penyelidikan bidang herba dan perubatan tradisional bagi tujuan perubatan, kecantikan dan kesejahteraan.

Jimat belanja 30 peratus

Pesara pengunjung setia jualan murah

Oleh **NAS NORZIELA NASBAH**

KAJANG - Pesara memanfaatkan Jualan Ehsan Rahmah (JER) kendalian Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) sejak tahun lalu untuk mendapatkan barangan asas.

Hasnah Sarul, 63, menjelaskan barangan dapur yang dijual juga berkualiti dengan pelbagai pilihan menarik selain faktor harga 30 peratus lebih murah berbanding pasaran.

"Saya gembira dapat berbelanja di JER. Bahan mentah berkualiti dan murah, pasti meringankan sedikit jumlah perbelanjaan bulanan dengan 'membeli-belah' di sini," katanya pada 19 Oktober.

Suri rumah Nurul Nadiah Mohd Hamdan, 30, yang pertama kali

berkunjung ke JER gembira dapat membeli dua ekor ayam, beras dan telur dengan hanya RM50 untuk keperluan keluarga.

"Saya bersyukur dapat berbelanja di sini. Jika ada lagi jualan murah, saya pasti tidak lepaskan peluang walaupun perlu beratur panjang," katanya yang hadir bersama ibu mentua.

Warga emas Mustapa Sahri, 63, pula sanggup beratur awal pagi untuk mendapat nombor giliran bagi membeli ayam dan telur, dua produk paling laris dalam jualan itu.

"Dapat beli ayam, daging dan ikan. Walaupun ada jumlah had yang ditetapkan, bersyukur boleh berbe-

lanja lebih untuk barangan rumah yang lain," katanya.

Mereka antara pengunjung JER peringkat DUN Balakong di Taman Tun Perak yang menawarkan ayam RM10 seekor, daging pejal segar (RM10 per pek), telur gred B (RM10 sepapan), ikan kembung (RM6 setiap pek), minyak masak lima kg (RM25) dan beras lima kg (RM10).

PKPS menerima pengiktirafan Malaysia Book of Records (MBOR) menerusi jualan ayam dan telur bersubsidi terbesar dalam tempoh dua hari sempena Aidilfitri.

Lokasi terkini JER seluruh negeri boleh disemak di Facebook PKPS atau mengimbas kod QR di poster jualan atau pautan linktr.ee/myPKPS



Promosi produk di sidang niaga

KUALA LUMPUR - Pelakon drama antara yang turut menyertai Sidang Kemuncak Niaga Antarabangsa Selangor (SIBS) 2023 bagi memperkenalkan produk makanan diusahakan bersama syarikat Imperasi Asia.

Jasmin Hamid, 51, berkata penyer-taan membolehkan produk minuman bertenaga serta makanan ringan berasaskan kulit ayam lebih dikenali ramai.

"Produk kami ini bawah Kerajaan Perak dan dipromosi kepada orang ramai. Saya harap lebih ramai pelanggan

kunjungi kerana sidang dibuka kepada orang awam," katanya pada 21 Oktober.

Puteri, syarikat penjual produk perisa makanan, pula meneruskan penyertaan di SIBS buat kali kedua susulan sambutan menggalakkan pada tahun lalu.

Eksekutif Pembangunan Perniagaannya Wardani Hilmi berkata syarikat yang menjual sambal garing dan pelbagai perisa sos itu juga mahu menyertai program tersebut pada masa depan.

"Ini tanda sokongan kepada Kerajaan Negeri yang membantu kami da-

lam urusan perniagaan. Syarikat dapat bimbingan dan latihan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor," katanya.

Eksekutif pemasaran sebuah syarikat makanan Hayatul Zakaria juga berpuas hati dengan penganjuran SIBS kendalian Invest Selangor Berhad yang diha-dirinya tiga tahun berturutan.

"Tahun depan kami berhasrat sertai sidang ini lagi. Tiga tahun kami pantau, datang sini untuk lihat sendiri perjalanan SIBS serta permintaan pelanggan," katanya.

Padi Selangor lebih berisi



Foto Tourism Selangor

Oleh NADIAH ZAMLUS

Sekinchan mempelopori hasil padi tertinggi dalam negara apabila merekod 12 tan setiap hektar berbanding negeri lain sekitar empat tan berdasarkan data Perangkaan Agromakanan 2018 Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Negeri dengan jolokan Jelapang Padi, Kedah hanya menghasilkan 4.45 tan per hektar manakala Perak 3.57 tan. Purata pengeluaran bagi Semenanjung Malaysia pada 2018 adalah 4.31 tan per hektar.

Menurut pakar pertanian dari Institut Sains Biologi Universiti Malaya, Prof Madya Dr Muhamad Shakirin Mispan, selain faktor tanaman lima musim dalam dua tahun berbanding empat musim di negeri lain, tatacara operasi piawai (SOP) penanaman juga rapi.

Majoriti pesawah di Sekinchan teliti daripada peringkat penyediaan tanah, penggunaan benih berkualiti, pembajaan teratur hingga kaedah mencegah serangan rumpai dan serangga perosak.

Kejayaan itu mahu dicontohi Sarawak. Menteri Industri Makanan, Komoditi dan Pembangunan Wilayah Datuk Seri Dr Stephen Rundi Utom mengakui kaedah penanaman di Sekinchan cukup maju.

Beliau juga mendapati Sekinchan mempunyai 75 peratus Tahap Sara Diri (SSL) pengeluaran padi sekali gus memberi pendapatan baik kepada pesawah.

"Jadi, itu akan menjadi hala tuju kami, saya akan terus meminta pegawai saya untuk pelajari dan mengkaji terutama apa yang mereka (di Sekinchan) lakukan," katanya pada 9 Jun.

Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan Datuk Seri Mohamad Sabu juga mendapati Selangor mengaplikasikan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan internet kebendaan (IoT) bagi

meningkatkan hasil tuaian.

Dr Muhamad Shakirin yang mengkaji pengurusan tanaman padi sejak 17 tahun lalu turut mengakui amalan baik petani Sekinchan dan wajar dijadikan panduan umum serta penanda aras kepada pesawah seluruh negara untuk meningkatkan hasil.

"Infrastruktur sawah khususnya pengairan berkesan dilihat sebagai satu kelebihan bagi Sekinchan dan pesawah menggunakan kelebihan ini untuk menghasilkan padi yang lebih baik," katanya kepada Selangorkini pada 21 Oktober.

Bantuan kerajaan

Pembangunan itu turut disokong Kerajaan Negeri yang berbelanja kira-kira RM8.9 juta kepada lebih 9,000 pesawah sepanjang tahun ini. Menurut EXCO Pertanian Ir Izham Hashim, peruntukan tersebut bagi memastikan hasil tanaman lebih baik sekali gus menambah pendapatan pesawah.

"Kita memberi bantuan RM300 untuk setiap hektar kepada petani dibayar yang secara tunai supaya mereka dapat tingkatkan hasil padi dan bantuan dalam bentuk benih bernilai RM200.

"Ini bukti bahawa Kerajaan Selangor tidak pernah mengabaikan sesiapa termasuk golongan petani dan pesawah kerana kita mahu ekonomi negeri ini dinikmati semua penduduk," katanya.

Pada masa sama, sektor pertanian itu dimodenkan. Penanaman secara mencedung (transplanter) juga dilakukan. Kaedah menabur biji benih atau menanam anak pokok padi secara manual tidak lagi digunakan. Mencedung bermaksud benih padi disemai terlebih dahulu di tapak semaian. Apabila anak padi mencapai tahap sesuai, ia ditanam menggunakan jentera.

Dr Muhamad Shakirin tidak menafikan isu



bekalan beras negara kerap menjadi perhatian utama.

Terbaharu, kekurangan beras dan kenaikan harga beras import disebabkan keputusan 18 negara menghalang atau mengehend eksport beras.

Dengan lebih 30 peratus keperluan beras Malaysia diimport, negara terdedah kepada risiko ketergantungan yang boleh membawa kepada krisis makanan dalam jangka masa terdekat. Justeru, penting untuk mencapai 100 peratus SSL bagi bekalan beras.

"Meskipun Sekinchan berjaya membuktikan mereka mampu menghasilkan hasil padi yang tinggi, kejayaan mereka masih belum tersebar ke kawasan lain di Selangor seperti di Sawah Sempadan.

"Kerajaan boleh menumpukan kepada kawasan ini supaya ekosistem Sekinchan berkembang dan bukan tertumpu kepada satu titik kelompok sahaja," kata Dr Muhamad Shakirin yang pernah membentangkan hasil kajian di Amerika Syarikat, Jepun, China dan United Kingdom.

Beliau juga menggesa supaya disiplin tanaman padi Sekinchan diperluas ke Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut Selangor. Usaha boleh dijalankan melalui galakan kepada pesawah muda serta memperkenalkan teknologi pertanian terkini.

"Saya sentiasa percaya jika semua kawasan penanaman padi negara diusahakan dengan berkesan, penghasilan padi negara mampu mencapai 100 peratus tahap SSL.

"Pada masa sekarang, Sekinchan mampu mencapai penghasilan 12 tan per hektar ketika purata hasil negara empat tan per hektar. Jika purata ini ditingkat kepada lapan tan menggunakan kaedah dan teknologi dari Sekinchan, saya yakin 100 peratus SSL dapat dimateri," tegasnya.

Oleh INTAN SYUHADA AKHIR
Foto ASRI SAPPFIE

Tidak sedikit golongan selebriti disekat atau diancam dek lantang menyuarakan sokongan terhadap perjuangan rakyat Palestin atau mengutuk kekejaman rejim Israel.

Bintang bola sepak Perancis Karim Benzema dituduh terlibat dengan pengganas kerana menyokong penduduk Gaza menerusi media sosial X.com pada 15 Oktober. Tuduhan itu dilempar Menteri Dalam Negeri negaranya sendiri Gérald Darmanin.

Penulis terkenal Adania Shibli turut menjadi mangsa. Pemberian anugerah berprestij LiBeraturpreis untuk novelnya Minor Detail yang dijadual pada 20 Oktober di Pesta Buku Frankfurt ditunda kerana karyanya itu menyokong Palestin.

Begitu juga aktivis alam sekitar terkemuka Greta Thunberg dari Sweden yang menyuarakan sokongan menerusi X.com pada 20 Oktober. Dilabel antisemitik, gadis berumur 20 tahun yang membawa mesej memperjuang alam sekitar diperlekeh golongan pro-Zionis.

Tidak terkecuali penggiat seni tempatan termasuk Endang Hyder. Hanya kerana mendoakan warga Palestin, penyertaan pemain biola berusia 37 tahun ke festival muzik di Belanda pada Disember ini dan awal Januari 2024 dibatal.

Akibatnya, beliau hilang pembiayaan RM29,000 dalam festival itu meski sokongannya dalam video saduran lagu Maher Zain berjudul For The Rest of My Life dimuat naik ke YouTube pada dua tahun lepas.

Pemilik nama sebenar Ell Zain Hyder Zainuddin itu juga kehilangan dana RM28,000 untuk

Hilang tajaan dek doa Palestin



dua projek penghasilan lagu. Majlis pelancarannya dijadual berlangsung sewaktu festival sama.

Tidak gentar

Penganjur yang menghubungi Endang pada 13 Oktober meletak syarat supaya pemuzik itu memadam komen sokongan terhadap Palestin dalam video itu jika mahu beraksi di festival tersebut.

Alasannya, ibu tunggal tiga anak itu ada menandatangani kontrak yang menyatakan peserta tidak boleh terlibat dalam isu berkaitan politik dan mesti berkecuali. Namun, Endang enggan.

“Di dalam kontrak ada menyatakan bahawa kami tidak boleh terlibat sebarang isu berkaitan politik dan menjadi berkecuali. Cuma, ia tidak selari dengan prinsip moral saya yang memang memperjuangkan Palestin,” katanya pada 20 Oktober.

Endang terus menyuarakan pendiriannya. Justeru,

lepasan bidang muzik klasik Universiti Queen di Belfast, Ireland Utara memuat naik dua video di YouTube pada 16 Oktober yang disertai ajakan menyokong kanak-kanak Palestin menerusi lagu Lost Candy dan Escape.

Perolehan hasil tontonan seminggu melalui saluran tersebut pula disumbang kepada Palestin melalui badan bukan kerajaan Cinta Gaza Malaysia.

Kehilangan tajaan tidak melunturkan semangatnya untuk terus menghasilkan muzik video. Kini, pemuzik tersebut kerap mengadakan siaran langsung di saluran TikTok untuk mencari penaja baharu.

Kisah Endang tular tahun lalu apabila beliau terpaksa menjual biola kesayangan yang kerap digunakannya dalam persembahan bagi menampung perbelanjaan perubatan bapa yang menghidap kencing manis kronik hingga hilang penglihatan.

Akaun disekat

Sementara itu, Datuk Seri Siti Nurhaliza Tarudin, 44, mendedahkan hantarannya berkaitan perkembangan konflik di Palestin disekat Instagram sejak 19 Oktober.

Mula berkongsi doa dan

“Di dalam kontrak ada menyatakan bahawa kami tidak boleh terlibat sebarang isu berkaitan politik dan menjadi berkecuali.


Cuma, ia tidak selari dengan prinsip moral saya yang memang memperjuangkan Palestin”

mengemas kini situasi di Gaza sejak 10 Oktober, penyanyi nombor satu negara itu mengakui gusar keselamatan 59 anak angkatnya di sekolah Afwa Al-Afiyah di Gaza.

“Hantaran saya tentang Palestin di Instagram Feed sudah mula disekat. Tak mengapa usaha diteruskan,” tulisnya dalam hantaran di media sosial berkenaan.

Kebimbangan itu berikutan sekolah yang dibangunkan artis itu menerusi Yayasan Nurjiwa dikhuatiri terjejas akibat serangan bom rejim Israel di kawasan berhampiran dalam serangan udara baru-baru ini.

Sejak konflik Israel dan Gaza meruncing, anak kelahiran Kuala Lipis, Pahang itu selalu berkongsi perkembangan di Palestin dan beliau merancang bantuan yang boleh disalurkan kepada anak angkatnya.



Cara Israel jerat wanita

Oleh ABDUL RAHIM SABRI

Wanita diberikan dadah hingga tidak sedarkan diri. Sewaktu warga Palestin itu dalam keadaan khayal, ejen Israel merakam gambar mangsa tidak berpakaian terbaring di sebelah lelaki yang diupah. Wanita ini kemudian diugut agar menjadi perisik negara haram itu.

Kisah benar ini diangkat sebagai pembuka filem *Huda's Salon* (2021) di tangan Hany Abu Assad, pengarah Palestin yang sering mendapat anugerah di festival filem di banyak negara.

Filemnya *Paradise Now* (2005) dicalon untuk anugerah Oscar dalam kategori filem asing terbaik selepas memenangi anugerah Golden Globe pada 2006. Satu lagi karyanya *Omar* (2013) turut dicalonkan untuk anugerah Oscar.

Paradise Now menceritakan dilema dua pegebom berani mati Palestin, sementara *Omar* pula kisah lelaki Palestin bertukar ejen Israel, terpaksa mengkhianati sahabat sendiri, selepas diseksa dalam tahanan.

Penggambaran *Huda's Salon* dibuat ketika pandemik Covid-19 di kawasan perumahan Baitul Laham, kawasan yang dikuasai Israel. Ia mengisahkan Reem (lakonan Maisa Abd Elhadi) diberi minum kopi bercampur dadah oleh pengusaha salon rambut Huda (Manal Awad).

Huda, seorang warga Palestin yang dibayar sebagai perisik Israel, mengugut wanita beranak satu itu menjadi mata-mata rejim Zionis. Dalam perancangan Huda, Reem perlu mengutip maklumat senjata pejuang Palestin.

Lahir dari keluarga berada di Nazareth pada 1961, Hany (foto) terlintas untuk mengangkat kisah di salon setelah teringat kisah sebenar wanita Palestin dipaksa menjadi ejen Israel melalui ugutan yang mengaibkan.

"Saya membaca satu tulisan 20 tahun lalu. Mengejutkan, perkara ini masih lagi berlaku. Tiga minggu lalu, ada satu lagi artikel tentang topik yang sama – (Israel) menggunakan salon rambut bagi menjerat wanita agar menjadi perisik," katanya dalam temu bual di portal Salon pada 3 Mac 2022.

Dalam tempoh 10 minit pertama *Huda's Salon*, Hany mengangkat kemelut wanita yang tersepit antara suami, masyarakat dan negaranya. Ia menggambarkan betapa takut, malu dan kecewa yang ditanggung Reem jika gambar itu tersebar.

Wanita berambut kerinting itu bimbang suaminya Yousef (Jalal Masarwa), yang kuat cemburu dan mengongkong, mengetahui insiden itu walau foto dirakam bukan atas kerelaannya. Terperangkap dan serba salah, Reem menanggung beban emosi sendirian.

Hany, yang memulakan kerjaya perfileman mulai 1990 setelah belajar kejuruteraan di Belanda pada 1980-an, menyelit tema feminisme. Reem tidak mungkin menjadi perisik jika suaminya seorang yang memahami, kata pengarah itu.

"Inilah isu utamanya. Perisikan Israel boleh



menjerat wanita ini kerana suami mereka teruk. (Israel) tidak boleh memerangkap semua wanita," katanya dalam wawancara yang sama, beberapa hari sebelum ia ditayangkan di Pesta Filem Wanita Beirut.

"Katakanlah insiden ini berlaku kepada isteri saya, dia pasti mengadu dan saya akan memahami dilemanya. Namun masyarakat kita melihatnya sebagai keaiban, sebab itu sebahagian wanita mudah diugut."

Adegan seterusnya lebih mencabar dan panjang. *Huda's Salon* memaparkan dua watak: Reem yang bergelut dengan masalahnya, sementara Huda pula disoal siasat kumpulan penentang Israel yang diketuai Hassan (Ali Suliman).

Khianati bangsa sendiri

Sejak detik malang di salon, Reem dibelenggu ketakutan dianggap pengkhianat bangsanya sendiri sehingga timbul tekanan yang mendalam. Selepas Huda menunjukkan foto bogelnya, Reem sangat takut diapa-apakan hingga bersedia dengan pisau walaupun ketika menidurkan anaknya.

Namun, tekanan di dalam dirinya terus memuncak sehingga sanggup mencekak leher baju Yousef sambil menghunus pisau ke muka suaminya. Tekanan dalam keluarga itu diburukkan oleh ketakutan Reem dituduh perisik Israel.

Setelah sembilan babak berselang seli antara dua watak wanita ini, akhirnya Huda menitiskan air mata juga. Seorang lagi wanita, daripada belasan mangsanya, yang diperalat agar menjadi perisik telah membunuh diri.

Hassan berkata tindakan Huda itu menjerumus wanita Palestin, agar mengkhianati bangsa mereka sendiri, menyebabkan kesengsaraan banyak pihak. Pengkhianatan ini malapetaka kepada Palestin, kata lelaki itu.

Walau sepanjang soal siasat wanita ini berkeras enggan mendedahkan nama perisik-perisik itu, akhirnya bersetuju bekerjasama dengan kumpulan pejuang. Namun, mampukah mereka bekerjasama menentang Israel?

Filem sepanjang 90 minit ini mendapat pujian ramai pengkritik. Portal penilaian filem terkenal Rotten Tomatoes memberi markah 79 peratus, sementara IMDb pula menilai 6.2 daripada 10 markah.

Bagaimanapun babak tanpa pakaian itu,

selama 96 saat, mencetuskan pertikaian. Isu ejen Israel turut menimbulkan keresahan beberapa pihak. Namun pelakon utamanya Manal Awad mempertahankan isu perisikan yang nyata berlaku.

Saban tahun berita wanita Palestin ditangkap pejuang Gerakan Penentangan Islam (Hamas) sering dilaporkan.

Pada 2014, seorang balu beranak tujuh menjadi ejen Israel dengan alasan ingin membeli ubat anaknya.

Portal BBC pula melaporkan badan perisikan Mossad secara

terbuka mencari wanita kerana mereka lebih cekap "membaca ruang dan situasi" daripada lelaki. Walau jarang diheret ke muka pengadilan, pada 2016, Hamas menangkap wanita yang disyaki cuba membocorkan terowong rahsia gerakan tersebut.

Sementara Hany pula sedia membuang babak kontroversi itu.

"Kemungkinan besar saya akan memotong babak itu apabila ia ditayangkan kepada khalayak Palestin," katanya kepada portal perfileman antarabangsa Screen Daily pada Disember 2021.

Selain *Huda's Salon*, banyak lagi filem yang memenangi anugerah mengupas kisah kehidupan dan perjuangan warga Palestin.

10 filem pengarah Palestin

- > **200 Meters** (2020) – Ameen Nayfeh
- > **Gaza Mon Amour** (2020) – Tarzan Nasser
- > **It Must Be Heaven** (2019) – Elia Sulaiman
- > **Wajib** (2017) – Annemarie Jacir
- > **3000 Nights** (2015) – Mai Masri
- > **Omar** (2013) – Hany Abu Assad
- > **The Time That Remains** (2009) – Elia Sulaiman
- > **Laila's Birthday** (2008) – Rashid Masharawi
- > **Salt of the Sea** (2008) – Annemarie Jacir
- > **Paradise Now** (2005) – Hany Abu Assad

Sumber Portal GQ 16 Oktober 2023, IMDb 27 April 2013, Mille World 19 Mac 2021

10 dokumentari sejarah konflik

- > **Al-Nakba**
- > **The War in June 1967**
- > **The War in October: What Happened in 1973?**
- > **The Price of Oslo**
- > **Jerusalem: Dividing Al-Aqsa**
- > **Palestine 1920: The Other Side of the Palestinian Story**
- > **Gaza, Sinai and the Wall**
- > **Israel's Automated Occupation: Hebron**
- > **Weaponising Water in Palestine**
- > **Rebel Architecture: The Architecture of Violence**

Sumber Al Jazeera 16 Oktober 2023



Dato' Menteri Besar menyaksikan penyerahan surat kerjasama dari Unisel kepada Invest bagi Program Perkongsian Makmal Selangor, khusus mengembangkan bidang sains hayat



Amirudin merasmikan Selangor Mobility, program memudahkan orang ramai akses pengangkutan awam, di Konvensyen Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor (SDEC)



Dato' Menteri Besar melancarkan Perkongsian Data Negeri Selangor (SelGDX), portal pertukaran data bersepadu antara 70 jabatan dan agensi yang pertama dibangunkan di negara ini



EXCO Kesihatan Jamaliah melawat reruai Entomal Mobile Bioconversion (EMBC) yang menyediakan sistem pemprosesan sisa makanan di Ekspo Taman Perindustrian Selangor



EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Fahmi Ngah bersama pemenang Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Selangor semasa Ekspo Inovasi, Penyelidikan dan Pembangunan Selangor



EXCO Kerajaan Tempatan Ng Suez Lim (tengah) menyaksikan pertukaran perjanjian kerjasama antara Wavpay dan Mydin ketika Ekspo Bandar Pintar dan Ekonomi Digital Selangor



Dato' Menteri Besar melihat model loji tenaga Worldwide Holdings Berhad, bakal jadi projek loji terbesar sisa kepada tenaga di negara ini

SIDANG Kemuncak Perniagaan Antarabangsa Selangor (SIBS) di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) selama empat hari mulai 19 Oktober dihadiri kira-kira 50,000 pengunjung tempatan dan luar negara.

Edisi ketujuh anjuran Kerajaan Negeri menerusi Invest Selangor disertai pemain industri antarabangsa pelbagai sektor antaranya dari China, Jepun, Korea Selatan, Turki, Australia, Indonesia, Vietnam dan Kazakhstan.

SIBS yang dirasmikan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari mencatat nilai potensi pelaburan RM4 bilion (setakat 21 Oktober), mengatasi sasaran RM1.5 bilion, hasil pemeteraian memorandum persefahaman.

Pemimpin negeri yang terlibat antaranya EXCO Pelaburan Ng Sze Han, EXCO Pembudayaan Inovasi Dr Mohammad Fahmi Ngah, EXCO Kerajaan Tempatan Ng Suez Lim dan EXCO Kesihatan Jamaliah Jamaluddin.

Jurufoto FIKRI YUSOF, HAFIZ OTHMAN dan AHMAD ZAKKI JILAN merakam sebahagian acara SIBS. Keterangan gambar oleh HAFIZAN TAIB



Penasihat Perdagangan Kedutaan Vietnam di Malaysia Le Phu Cuong (kiri) dan Pengasas Longevity N Thi Thanh menunjukkan sijil halal di Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor



Pembantu perubatan Hospital Assunta melakukan saringan kesihatan percuma untuk pengunjung ketika Ekspo Perubatan Antarabangsa Selangor



Wakil Uganda di Kuala Lumpur Kasujja Moses Kalul (tengah) mempamer produk di Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor



Peserta persidangan menyediakan makanan ketika Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor



Pengunjung melawat pelbagai jenis reruai yang menawarkan perkhidmatan di Ekspo Taman Perindustrian Selangor



Orang ramai boleh menikmati sampel produk syarikat yang terlibat dalam Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor



Keluarga Teoh Chun Yeaw, 37, mencuba motor elektrik di Ekspo Taman Perindustrian Selangor



Peserta persidangan SIBS melawat reruai Ekspo Makanan dan Minuman Antarabangsa Selangor pada hari pertama

Denyutan cahaya attosaat



Penyelidik di Universiti Teknologi Mara,
DR ZAMIR MOHYEDIN
seorang ahli fizik yang menulis lapan buku

Hadiah Nobel Fizik 2023 dimenangi oleh Pierre Agostini, Ferenc Krausz dan Anne L'Huillier kerana sumbangan mereka untuk kaedah menjana denyutan attosaat cahaya bagi mengkaji dinamik elektron dalam jirim.

Bagi yang tidak faham dengan kajian ahli-fizik ini, mungkin sumbangan mereka seperti tidak begitu berimpak. Kadangkala kita boleh jadi tidak suka suatu perkara itu kerana tidak memahaminya. Mari berkenalan dengan denyutan cahaya attosaat.

Attosaat adalah unit sukatan masa yang mewakili 10⁻¹⁸ saat atau 0.0000000000000000001 saat. Jadi, denyutan cahaya dalam tempoh attosaat merupakan denyutan yang sangat pantas berbanding 1 saat. Attosaat merupakan skala masa paling kecil saintis dapat cerap. Kenapa attosaat ini begitu penting sehingga dapat merangkul hadiah berprestij?

Pada 1870-an, Max Planck pernah dipesan bahawa fizik hampir lengkap. Hampir kesemuanya telah ditemui. Cuma tinggal beberapa masalah sahaja yang perlu diselesaikan.

Pada ketika itu, ahli fizik masih belum mempercayai dengan kewujudan atom. Mereka belum yakin. Mereka masih percaya bahawa setiap objek berasal daripada empat unsur air, api, angin dan tanah yang digagaskan oleh Aristotle.

Setelah Albert Einstein meyakinkan kewujudan atom dan molekul melalui pergerakan Brown pada 1905, barulah ahli fizik bertungkus lumus untuk membuktikan kewujudan tersebut.

Pintu gerbang baharu dalam fizik terbuka semenjak itu. Ahli fizik mula fokus pada kajian ke atas atom. Bermula daripada pembuktian kewujudan yang dilakukan oleh Ernest Rutherford, James Chadwick, J.J. Thomson sehinggalah kepada kajian sifat-sifat atom yang dilakukan oleh Neils Bohr, Werner Heisenberg dan lain-lain.

Pergerakan elektron dan bagaimana elektron tersusun semula merupakan salah satu perkara yang dikaji oleh saintis. Kajian ini penting kerana banyak proses elektronik, digital, malah proses tindak-balas kimia sangat berkait rapat dengan pergerakan elektron.

Namun, cabarannya kelakuan elektron sulit untuk dikaji kerana ia bergerak dengan sangat



III. Niklas Elmehed © Nobel Prize Outreach
Pierre Agostini



III. Niklas Elmehed © Nobel Prize Outreach
Ferenc Krausz



III. Niklas Elmehed © Nobel Prize Outreach
Anne L'Huillier

ilustrasi nobelprize.org

Dalam satu tempoh masa yang singkat, sistem tersebut akan kembali kepada keadaan asal semula. Selepas denyutan cahaya pertama dibuat, perlu denyutan cahaya susulan untuk mencerap proses tindak balas sistem. Namun, jarak antara denyutan pertama dan denyutan kedua perlu dalam jarak yang pendek iaitu attosaat kerana penyusunan semula sistem tersebut mengambil masa yang sangat pantas

pantas. Jadi, saintis memerlukan denyutan cahaya yang lebih pantas daripada pergerakan elektron. Konsepnya bagaimana?

Denyutan cahaya

Denyutan cahaya akan dipancarkan kepada satu sistem yang terdiri daripada pelbagai atom. Pancaran ini menyebabkan sistem

tersebut menguja ataupun bertindak-balas.

Dalam satu tempoh masa yang singkat, sistem tersebut akan kembali kepada keadaan asal semula. Selepas denyutan cahaya pertama dibuat, perlu denyutan cahaya susulan untuk mencerap proses tindak balas sistem.

Namun, jarak antara denyutan pertama dan denyutan kedua perlu dalam jarak yang pendek iaitu attosaat kerana penyusunan semula sistem tersebut mengambil masa yang sangat pantas.

Bayangkan kamera mengambil masa satu saat untuk tangkap gambar. Kita picit butang tangkap, selepas 1 saat, baru gambar dapat ditangkap. Jika kamera ini tangkap gambar objek yang bergerak seperti kereta misalnya, gambar akan jadi kabur dan tidak tajam.

Sebab kamera ambil tempoh yang agak panjang untuk tangkap gambar. Jadi, kita susah untuk tahu dinamik atau kelakuan objek yang bergerak itu.

Jika kamera itu mengambil masa satu milisaat misalnya untuk tangkap gambar, kita akan dapat gambar objek bergerak yang cantik. Itulah bayangan antara denyutan cahaya attosaat dan pergerakan elektron.

Sebelum denyutan cahaya attosaat dapat dicapai, saintis hanya terhad femtosaat – masih belum cukup untuk mencerap kelakuan elektron. Cerapan akan jadi kabur dan kita tidak tahu kelakuan elektron jika denyutan cahaya attosaat tidak dapat dihasilkan.

Teknologi attosaat membolehkan saintis mengkaji pelbagai tindak-balas kimia, ikatan atom, pergerakan elektron dalam air ataupun dalam litar elektronik dan digital. Bagi yang sukakan kamera cantik pada telefon pintarnya, inilah teknologi yang kita nanti-nantikan untuk merealisasikannya.

Rezeki ‘langgar dinding’



Oleh **NAZLI IBRAHIM**
Foto **HAFIZ OTHMAN**

Ketika ramai usahawan gulung tikar angkara Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 2020, hal sebaliknya berlaku kepada Siti Aishah Mohammad Hanif yang berniaga masakan pasta.

Dengan meraih RM7,000 pada bulan pertama, nilai jualan makanan tersebut melonjak lebih lima kali ganda iaitu RM40,000 sebulan selepas tiga bulan produk itu dipasar dalam talian.

Masakan seperti aglio olio, bolognese, carbonara menjadi pilihan ramai. Mungkin pembeli mahu menikmati cita rasa makanan luar lantaran terkurung di rumah sepanjang tempoh tersebut.

“Masak dan bungkus, hantar ke kilang untuk retort. Saya ada kira-kira 200 ejen, jual dalam talian. Dalam masa setahun, cecah RM300,000 jualan,” kata wanita berusia 39 tahun itu.

Sambutan hangat mendorong beliau bersama suami membuka kedai fizikal di Lembah Keramat, Kuala Lumpur pada tahun berkenaan. Jenama Makanhubb yang popular dalam talian dikekalkan.

Meski nilai jualan tidak serancak semasa PKP fasa pertama, ibu kepada empat anak itu berupaya meraih keuntungan antara RM15,000 hingga RM20,000 sebulan.

Kini, Makanhubb bakal menembusi 80 cawangan pasar raya Segi Fresh dan 70 pasar raya Lotus’s di seluruh negara. Semuanya berkat bimbingan program keusahawanan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) yang disertai Siti Aishah pada awal tahun ini.

Lebih membanggakan bekas pramugari itu, ramai pengedar daripada negara luar antaranya Singapura, Vietnam, Korea Selatan dan China berminat untuk mengimport produk Makanhubb.

Sebelum perniagaan itu berkembang maju, Siti Aishah sebenarnya lama bergelumang dalam dunia niaga. Sejak tamat sekolah pada 2001, beliau bersama ibunya menjual pakaian di pasar malam.

Bukan sedikit cabaran ditempuhi. Selain kerap berpindah lokasi, beliau biasa bertegang urat dengan samseng yang ‘mengawal’ petak niaga. Mereka juga berniaga di kawasan pejabat atau mengadakan jualan garaj dengan menyewa halaman rumah yang difikirkan strategik.

“Bergaduh berebut tapak, angkat barang berat, jadi perkara biasa. Masa berniaga, adik-adik tidur dalam van, semua itu biasa,” kata anak jati Kuala Lumpur itu kepada Selangorkini pada 2 Oktober.

Penglibatannya tidak terhenti meski Siti Aishah menjadi pramugari pada 2004. Sebelah pagi berkebaya batik dan bersanggul di awan biru, sebelah petang menjual pakaian di pasar malam. Anak sulung daripada 15 beradik itu gigih membantu ibunya, seorang ibu tunggal, untuk menyara kehidupan.

Rugi besar

Beliau berhenti kerja itu semasa hamil pada 2009. Wanita itu kemudian menyewa kedai di Kompleks Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) di Bangi dan tiga lagi di Kenanga Wholesale City (KWC) Kuala Lumpur pada 2009.

Meski mengecap laba hampir sembilan tahun, Siti Aishah berdepan kerugian RM300,000 pada 2018 lantaran isu stok dan kos promosi berlebihan termasuk menaja artis dan pertunjukan fesyen.

“Masa itu terlalu agresif. Belanja besar promosi dan ambil stok terlalu banyak dari Vietnam, Indonesia dan China. Bila sampai kualiti tidak sama. Jahitan tidak kemas, warna lari.

“Beli stok lebih RM200,000. Mahu atau tidak,

terpaksa jual murah. Barang yang sepatutnya dijual RM40 terpaksa dijual harga RM10. Itupun tidak habis,” kata beliau.

Akibatnya, tiga kedai di KWC terpaksa ditutup bagi menampung kerugian. Hanya sebuah di Kompleks PKNS Bangi bertahan. Kemudian gerai itu diserahkan kepada adiknya pada 2019.

Setahun selepas itu, Siti Aishah menceburi perniagaan makanan. Pada 2020, beliau mendapat geran SME Corporation Malaysia (SME Corp) bernilai RM150,000 untuk membeli mesin retort dan kos ubah suai kedai.

Ini membuka peluang kepadanya menawarkan perkhidmatan makanan retort kepada orang ramai termasuk ibu bapa yang mahu membekal makanan untuk anak-anak di sekolah berasrama.

Penyertaan Siti Aishah dalam program usahawan PKNS membawa beliau ke pelbagai ekspo untuk padanan perniagaan seterusnya memperoleh pelanggan besar seperti pasar raya Segi Fresh dan Lotus’s.

“Bila masuk program PKNS, mentaliti saya bertukar. Sebelum ini, hanya fikir cari ejen ‘dropship’, jual dalam talian, TikTok semua itu tetapi sekarang nampak lebih besar (luas).

“Jadi, sesiapa yang hendak berniaga, pergilah belajar dengan PKNS. Kalau boleh jangan langgar dinding macam saya,” katanya merujuk kegagalan perniagaannya sebelum ini.

Selain bantuan SME Corp dan PKNS, beliau juga ada menerima geran Koperasi Warga Hijrah untuk membeli tangki air, dua komputer riba, mesin penggoreng dan penjana kuasa.

Kini, Siti Aishah berusaha memperoleh pensijilan Makanan Selamat tanggungjawab Industri (MeSTI) dan sijil halal. Beliau yakin pensijilan itu bakal memajukan lagi perniagaannya.

Babak akhir presiden

Gus Dur kecewa dengan laporan media dalam negeri dan antarabangsa yang tidak tepat serta berat sebelah tentang kerajaannya.

Namun, beliau terus berpegang dengan pendirian untuk tidak mengganggu kebebasan media, meski pun beliau adakalanya merungut tentang liputan berita.

Semua ketua kerajaan, hatta dalam demokrasi yang telah stabil dan matang, mempunyai sebab untuk merungut tentang media, lebih-lebih lagi Presiden Indonesia yang sedang dirundung malang itu.

Gus Dur menelan tuduhan pahit bahawa beliau memusuhi media, sedangkan ketika banyak cerita yang diterbitkan tentangnya adalah palsu dan berhak untuk dikenakan tindakan undang-undang, beliau tetap tidak mengambil apa-apa tindakan kerana bimbang ia akan meracuni persekitaran media dan memberi contoh tidak baik yang akan digunakan untuk menggertak media oleh pemimpin lain di masa depan.

Perlu diakui bahawa gaya Gus Dur yang aneh laku dan berwarna-warni mudah mengundang salah faham. Kenyataan-kenyataan beliau yang dibuat secara berseloroh atau pada asasnya berbentuk hiperbola ditanggapi secara terlalu lahiriah.

Gus Dur telah agak lama meyakini bahawa beliau sedang berdepan dengan rancangan tersusun media untuk memfitnah dirinya dan memusnahkan citranya.

Semua stesen TV dimiliki sama ada oleh anggota keluarga mantan presiden atau sekutu-sekutu rapat mereka. Manakala banyak akhbar harian dan majalah berita mingguan mempunyai kaitan dengan tokoh-tokoh ternama dari rejim lama.

Maka keyakinan beliau itu boleh difahami. Tetapi tidak dapat dinafikan juga bahawa pendekatan Gus Dur yang berterus-terang dan kerap pula cuai sering membebani dirinya sendiri.

Bahasa jihad

Perbezaan budaya antara Nahdlatul Ulama (NU) yang berpusat di kawasan desa dan masyarakat elit bandar pula telah menimbulkan salah faham serta dijadikan peluru oleh musuh-musuh politik Gus Dur.

Itulah perkara yang melatari kejadian dalam bulan April, ketika Gus Dur berdepan dengan serangkaian masalah yang mengaibkan apabila

“

Gus Dur bersama isteri dan anak-anaknya buat kali terakhir duduk di bahagian depan dewan keraian yang

berada di ruang tengah istana

anggota-anggota NU yang bersemangat tampil membela presiden mereka yang sedang dirundung malang itu.

Di mata kebanyakan anggota NU yang miskin dan kampungan, seperti telah disebut, serangan ke atas Gus Dur adalah juga satu percubaan rejim lama untuk kembali berkuasa dan mengorbankan demokrasi.

Pada 4 April, Gus Dur secara terbuka menyelar para penyokong NU yang menggunakan bahasa jihad terhadap golongan yang cuba memecatnya.

"Presiden tidak setuju sama sekali cara melampau

yang dianjurkan oleh sesetengah pihak untuk membela beliau," kata jurucakap presiden, Adhi Massardi.

Tarikh 30 April, iaitu hari yang ditetapkan untuk parlimen mengundi memorandum celaan kedua, semakin hampir. Puluhan ribu anggota NU yang mengancam untuk turun ke Jakarta bagi membela Gus Dur hanya memberatkan lagi masalahnya.

Berkali-kali beliau menyelar para pembantah itu, selain berusaha dari belakang tabir untuk menyekat mereka daripada turun ke Jakarta.

Mercedes hitam

Namun, semua itu tidak menyelamatkannya daripada kritikan berterusan media dalam negeri dan antarabangsa, yang mendakwa beliau sanggup menggunakan kekerasan dan jalan tidak demokratik untuk mempertahankan kedudukan.

Dalam siaran langsung menerusi TV pada malam 27 April, Wimar Witoelar membacakan ucapan Gus Dur yang dikarang dengan cermat.

Ucapan itu menyatakan kekagumannya terhadap Megawati, penghargaan atas sokongannya, serta keperluan untuk terus melangkah dan bekerjasama.

Beliau menjelaskan bahawa prestasinya sebagai presiden kurang bagus kerana beliau memerintah di tengah perubahan rejim dan menghadapi banyak kesukaran besar.

Jika ucapan sedemikian dibuat beberapa bulan atau bahkan beberapa minggu yang lalu, mungkin ia lebih berkesan, tetapi sekurang-kurangnya kini ia dapat menenangkan keadaan.

Bagaimanapun banyak pihak menganggap "nasi sudah menjadi bubur" dan tidak berminat untuk memberikan Gus Dur pujian.

Hari terakhir Gus Dur di Istana Presiden tampak bersesuaian dengan dirinya. Pada awal pagi, beliau dikunjungi sekumpulan sami Buddha berjubah kuning cempaka.

Setelah itu beliau dikunjungi beberapa lagi kumpulan pemimpin agama dan masyarakat. Seperti dijangka, sekumpulan pemimpin Islam turut datang bagi mendoakan kesejahteraannya.

Lawatan yang agak mengejutkan dibuat oleh seorang pekerja biasa yang juga penganut Kristian yang taat. Dengan suara yang bergetar dengan perasaan sedih, wanita Kristian itu membacakan sepotong ayat dari Injil dan kemudian duduk bersama Gus Dur di meja.

Sambil memegang tangan Gus Dur, beliau memanjatkan doa untuk tokoh itu dan negara, seterusnya menyapu sedikit minyak ('minyak' yang digunakannya itu sebenarnya pewangi bernama "Eternity") kepada Gus Dur.

Tidak lama setelah itu, Gus Dur bersama isteri dan anak-anaknya buat kali terakhir duduk di bahagian depan dewan keraian yang berada di ruang tengah istana.

Ratusan kakitangan istana membentuk satu barisan yang melingkar empat lapis dalam dewan itu untuk mengucapkan selamat jalan kepada Gus Dur dan keluarga.

Selesai acara yang menghibakan itu, Gus Dur dipapah masuk ke pejabatnya untuk bertemu pesaing lama beliau, Hamzah Haz, yang baru beberapa minit lalu dipilih sebagai timbalan presiden.

Pada jam empat, beliau mengambil tempat di kerusi belakang Mercedes hitam yang besar dan dipandu keluar dari pintu gerbang istana buat kali terakhir.

Kali ini beliau keluar menerusi pintu belakang dan kereta itu tidak lagi memakai plat merah "Indonesia 1". Dalam perjalanan ke lapangan terbang untuk menaiki pesawat komersial ke Washington, beliau singgah di Lapangan Merdeka yang berada di seberang Istana Presiden.

Di sana Gus Dur menyampaikan ucapan kepada ribuan orang daripada puluhan pertubuhan.

Kepada khalayak yang sedang berduka itu, beliau meminta mereka mengawal perasaan dan berikrar untuk meneruskan perjuangan panjang ke arah pembaharuan dari luar istana. Sepanduk-sepanduk yang diangkat dalam perhimpunan itu bertulis: Selamat Pulang

Petikan muka surat 424-466 buku Dari Pesantren Ke Istana: Biografi Presiden ke-4 Indonesia Kiai Haji Abdurrahman Wahid, terjemahan Abdurrahman Wahid: Muslim Democrat, Indonesian President tulisan Greg Barton. Ia boleh dibeli melalui bukuiibde.com atau di toko Rencana, Bandar Sri Damansara, Petaling Jaya.





Anwar menegaskan sokongan negara terhadap Palestin ketika berucap depan kira-kira 16,000 orang dalam Himpunan Malaysia Bersama Palestin di Bukit Jalil, Kuala Lumpur pada 24 Oktober. Foto Facebook Anwar Ibrahim

Seru negara Barat tidak hipokrit

Malaysia lantang sokong Palestin

SHAH ALAM - Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak seluruh masyarakat dunia khususnya negara Barat supaya berhenti mengamalkan sikap hipokrit dalam konflik di Gaza.

Menyifatkan banyak percanggahan dan kepura-puraan dalam politik antarabangsa, beliau kesal Rusia dikedam kerana mencerooboh Ukraine tetapi kezaliman Israel terhadap Palestin dibiarkan.

"Tindakan itu (Rusia ceroboh Ukraine) dikutuk tetapi isu pencerobohan Israel dan mengambil alih tanah rakyat Palestin, ia dibenarkan.

"Dan bukan itu sahaja, malah perbuatan itu terus disokong dan dipertahan," katanya seperti dilapor Bernama yang memetik temu bual bersama

Arab News di Riyadh, Arab Saudi pada 20 Oktober

Menyifatkan situasi di Gaza sebagai suatu 'kegilaan', Anwar berkata Malaysia berpendirian sebarang pencerobohan dan penindasan terhadap wanita dan kanak-kanak di Gaza harus dihenti.

"Saya tidak faham mengapa orang Israel tidak faham apa itu episod Holocaust pada masa lalu dan kini ia dikenakan ke atas orang lain," katanya.

Malaysia lantang mengutuk kekejaman rejim dan bantahan itu ditunjukkan kira-kira 16,000 orang dalam Himpunan Malaysia Bersama Palestin di Axiata Arena, Bukit Jalil pada 24 Oktober.

Rata-rata pemimpin negara dalam program tersebut termasuk Anwar turut mengutuk kezaliman rejim Israel

berikutan serangan berterusan terhadap orang awam di Palestin.

Selain itu, Anwar juga mengadakan perbincangan dengan Presiden Turkiye Recep Tayyip Erdogan pada 22 Oktober berkaitan konflik di Gaza dalam lawatan dua hari ke republik berkenaan.

Sehari sebelumnya, perdana menteri mengadakan pertemuan empat mata putera mahkota yang juga Perdana Menteri Arab Saudi Mohammed bin Salman di Istana Al-Yamamah bagi berbincang isu sama.

Mereka senada dalam membangkitkan kebimbangan mereka berhubung kezaliman Israel terhadap penduduk Palestin di Gaza dalam Sidang Kemuncak Pertama Asean-Majlis Kerjasama Teluk.

Inflasi terendah dalam 30 bulan

SHAH ALAM - Kadar inflasi negara hanya 1.9 peratus pada September, terendah dalam tempoh 30 bulan, kata Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan Akmal Nasrullah Mohd Nasir.

Beliau menjelaskan faktor tersebut disokong penurunan berterusan indeks beberapa sektor antaranya makanan dan minuman, pengangkutan serta restoran dan hotel.

Bagaimanapun, beliau berkata beberapa komponen masih mencatat peningkatan seperti pakaian dan kasut serta minuman alkohol dan tembakau, lapor Bernama.

"Secara dasarnya, penyederhanaan inflasi bukan bermaksud penurunan paras harga tetapi merujuk kepada peningkatan harga barangan pada kadar yang lebih perlahan.

"Inflasi pada kadar terkawal iaitu

pada dua peratus hingga tiga peratus amat penting bagi ekonomi sesebuah negara untuk terus berkembang," katanya di Dewan Rakyat pada 25 Oktober.

Ahli parlimen Johor Bahru itu menambah Malaysia memberi tumpuan kepada pelaksanaan dasar monetari dan dasar sektoral yang dapat menjamin kestabilan pengeluaran dan bekalan.

Kutipan tabung RM81 juta

SHAH ALAM - Kutipan tabung Akaun Amanah Kemanusiaan Rakyat Palestin kendalian Kementerian Luar berjumlah RM81 juta, menghampiri sasaran RM100 juta, kata Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Perdana menteri percaya kutipan dengan jumlah besar dalam tempoh masa singkat menunjukkan kebersamaan Malaysia terhadap perjuangan rakyat Palestin, lapor Bernama.

"Saya terharu dalam masa singkat dengan dana awal kita dapat kumpul lebih RM80 juta yang akan memenuhi matlamat diumumkan peringkat awal iaitu RM100 juta.

"Ini menunjukkan keprihatinan dan terima kasih kepada syarikat kerajaan, swasta dan syarikat bukan Islam," katanya dalam majlis penyampaian sumbangan tabung tersebut pada 19 Oktober.

Serah bantuan kemanusiaan 50 tan

SHAH ALAM - Kira-kira 50 tan bantuan kemanusiaan bernilai RM7 juta sumbangan pelbagai pihak akan dihantar ke Palestin selewat-lewatnya pada 27 Oktober, kata menteri hal ehwal agama.

Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar menjelaskan barangan tersebut yang dihantar melalui Mesir antaranya ubat-ubatan, barangan keperluan bayi, selimut dan makanan, lapor Bernama.

"Apabila sampai di pintu sempadan Rafah, ia akan diselaraskan badan bukan kerajaan di sana untuk pastikan bantuan ini sampai kepada saudara-saudara kita di Palestin," katanya.

Beliau berkata demikain selepas melawat pusat pengumpulan barangan bantuan kemanusiaan Palestin di gudang Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia di Sepang pada 23 Oktober.

Mohd Na'im turut menyerahkan sumbangan RM100,000 daripada Lembaga Tabung Haji kepada Majlis Perundangan Pertubuhan Islam Malaysia bagi pembelian bekalan perubatan untuk rakyat Palestin.

Salur e-dompot RM100 Disember

SHAH ALAM - Bantuan e-dompot RM100 disalurkan kepada penerima layak pada Disember ini, kata Timbalan Menteri Kewangan II Steven Sim Chee Keong.

"Jadi (rakyat) akan dapat (bantuan ini). Rakyat diminta bersabar kerana kerajaan akan tunaikan janji," katanya kepada Bernama di sini pada 19 Oktober.

Ketika melancarkan Ekonomi Madani pada 27 Julai, Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan bantuan tersebut yang dikredit kepada penduduk berusia 21 tahun dan ke atas.

Inisiatif tersebut disediakan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana yang berpendapatan RM100,000 ke bawah.

500,000 al-Quran ke luar negara

SHAH ALAM - Sebanyak 500,000 naskhah al-Quran yang dicetak di Malaysia disasar untuk diedar ke luar negara menjelang akhir tahun ini, kata Menteri Hal Ehwal Agama Dato' Setia Dr Mohd Na'im Mokhtar.

Beliau berkata setakat ini sebanyak 34,500 naskhah menerusi inisiatif pengedaran sejuta naskhah al-Quran yang diilhamkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim diedarkan ke Kemboja, Australia, Kanada, Amerika Syarikat dan terbaharu ke Ireland.

"Kita harap hujung tahun ini boleh sampai 500,000 (pengedaran al-Quran) insya-Allah. Kita (juga) harapkan al-Quran akan jadi sumber rujukan untuk masyarakat bukan Islam di Ireland dengan harapan mereka lebih memahami agama Islam," katanya seperti dilapor Bernama.

Kes tipu dalam talian RM163 juta

SHAH ALAM - Sebanyak 8,868 kes penipuan pembelian dalam talian atau e-dagang membabitkan kerugian RM163 juta dikesan antara Januari hingga September, menurut Bukit Aman.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersialnya berkata bilangan kes purata tahunan hampir mencecah 10,000 kes manakala nilai kerugian meningkat 55 peratus tahun ini berbanding 2021.

Datuk Seri Ramli Mohamed Yoosuf berkata 9,258 kes melibatkan kerugian RM140 juta berlaku pada 2022 manakala 9,449 kes sama dengan kerugian RM73 juta direkod pada 2021, lapor Bernama.

Beliau juga menjangka peningkatan ketara dalam bilangan kes sedemikian ekoran bilangan platform e-dagang yang semakin bertambah dan popular dalam masyarakat masa kini.

Warga emas terima RM500 sebulan

SHAH ALAM - Seramai 142,958 individu menerima Bantuan Warga Emas (BWE) setakat Julai menerusi peruntukan RM493.7 juta, kata timbalan menteri pembangunan wanita, keluaran dan masyarakat.

Menjelaskan BWE adalah skim untuk warga emas meneruskan kelangsungan hidup pada kadar RM500 sebulan, Datuk Aiman Athirah Sabu berkata bantuan tersebut disalurkan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Beliau menjelaskan bantuan lain termasuk penjagaan orang kurang

upaya (OKU) terlantar/ pesakit kronik terlantar RM500 sebulan selain bantuan am yang kadarnya mengikut negeri.

Menjawab soalan wakil rakyat Padang Rengas Azahari Hasan di Parlimen pada 23 Oktober, Aiman Athirah berkata Pusat Aktiviti Warga Emas dan program khidmat bantu di rumah juga diadakan.

"Penubuhan pusat aktiviti itu berdasarkan keperluan populasi warga emas di sesebuah kawasan selain populasi yang bakal menjadi warga emas dalam tempoh lima tahun akan datang," katanya.

Beliau juga menjelaskan seramai 2,225 sukarelawan memberi perkhidmatan bantuan di rumah kepada 8,900 pelanggan iaitu 6,950 warga emas dan 1,950 OKU di seluruh negara.



Program pembasmian berkesan

Miskin tegar turun 19,000 orang

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

SHAH ALAM - Bilangan ketua isi rumah miskin tegar berdaftar berkurangan lebih 19,000 antara Februari hingga September tahun ini, kata Timbalan Menteri Ekonomi Datuk Hanifah Hajar Taib.

Merujuk data dinamik e-Kasih, beliau menjelaskan penurunan kepada 110,663 orang itu

antaranya didorong keberkesanan program pembasmian kemiskinan tegar pelbagai agensi dan jabatan negeri.

"Usaha membasmi kemiskinan dijalankan pelbagai pihak termasuk Pihak Berkuasa Koridor, Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan pejabat daerah.

"Pejabat daerah melalui sokongan EPU menjadi pemudah cara bagi melaksana program kemis-

kinan tegar dengan sesi libat urus bersama peserta bagi mendapatkan cadangan," katanya pada 19 Oktober.

Menjawab soalan wakil rakyat Merbok Nazri Abu Hassan di Dewan Rakyat, Hanifah Hajar menambah situasi pasaran buruh negara juga bertambah baik pada suku kedua tahun ini.

Beliau berkata kadar pengangguran bagi tempoh berkenaan turun kepada 3.4 peratus berbanding 3.9 peratus pada suku kedua tahun lalu dan kerajaan terus komited menangani isu tersebut.



Ekonomi negara terus berkembang

SHAH ALAM - Ekonomi dijangka berkembang pada kadar 3.3 peratus berdasarkan anggaran awal Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) suku ketiga 2023 berbanding 2.9 peratus pada suku kedua.

Menurut Kementerian Ekonomi pada 20 Oktober, pertumbuhan itu disokong sektor perkhidmatan dan pembinaan manakala kegiatan pelancongan turut memperlihatkan pemulihan, lapor Bernama.

Perkembangan tersebut juga disokong kemajuan pelaburan dan pelaksanaan projek prasarana utama antaranya Laluan Rel Pantai Timur (ECRL), Transit Aliran Ringan 3 (LRT 3) dan MyDigital 5G.

"Anggaran awal KDNK menunjukkan kesan permintaan global yang lemah dalam tempoh itu terutama eksport pembuatan khususnya segmen elektrik dan elektronik dan berkaitan industri primer," kata kenyataan.

Kementerian itu memaklumkan ekonomi Malaysia dianggar berkembang pada kadar empat peratus bagi 2023 berdasarkan prestasi semasa ekonomi dunia dan pencapaian separuh pertama tahun ini.

Mengikut kenyataan berkenaan, anggaran yang

dibentang dalam Belanjawan 2024 mengambil kira jangkaan pertumbuhan suku ketiga 2023 yang dalam lingkungan anggaran pertumbuhan ini.

Bagi 2024, ekonomi dijangka mencatat pertumbuhan antara empat hingga lima peratus dengan disokong persekitaran luar yang kian pulih dan jangkaan permintaan domestik lebih baik.

Indikator awalan seperti jualan semikonduktor menunjukkan peningkatan semula kitaran teknologi dan berupaya memberi manfaat kepada eksport elektrik dan elektronik Malaysia.

Pasaran buruh juga dijangka stabil dengan tumpuan diberi untuk meningkatkan kegiatan pelaburan melalui projek prasarana serta strategi dan inisiatif mengikut dasar kerajaan.

"Keutamaan kerajaan pada masa ini adalah merencanakan semula pertumbuhan ekonomi negara bagi mengembangkan saiz dan mengembalikan ekonomi ke landasan sebenar," kata kementerian tersebut.

Menurut kenyataan lagi, ekonomi akan distruktur semula bagi mempercepat peralihan ke arah negara berpendapatan tinggi untuk menjadikan Malaysia sebagai peneraju ekonomi Asia.

KERAJAAN NEGERI SELANGOR
JABATAN PENGAIRAN DAN SALIRAN NEGERI SELANGOR

KENYATAAN RALAT TAWARAN

NOTIS PEMAKLUMAN PINDAAN TARIKH TUTUP TENDER KEPADA
KENYATAAN TAWARAN TENDER NO. JPS/P/SEL/SG/11/2023 YANG
DISIARKAN PADA 12 OKTOBER 2023

BIL.	TAJUK KERJA	TARIKH TUTUP ASAL	TARIKH TUTUP PINDAAN
1.	JPS/P/SEL/SG/11/2023 PROJEK PENSTABILAN DAN PENGUKUHAN TEBING SUNGAI PENCHALA DI PETALING JAYA, DAERAH PETALING, SELANGOR DARUL EHSAN (FASA 2)	13 NOVEMBER 2023 (ISNIN)	14 NOVEMBER 2023 (SELASA)

Untuk makluman, pindaan ini hanya melibatkan **Tarikh Tutup Tender Sahaja**. Lain-lain keperluan dan syarat-syarat tender adalah sama seperti kandungan asal iklan. Sila layari Laman Web Rasmi Tender Selangor untuk maklumat lanjut dan terkini.



PRIHATIN... EXCO Pembasmian Kemiskinan V Papparaidu (tengah) bersama penerima Bantuan Blueprint dan Bantuan Peralatan Usahawan India (i-SEED) di Kuala Langat pada 17 Oktober. Foto HAFIZ OTHMAN

MPAJ raih enam anugerah

Galak PBT cipta teknologi baharu

Oleh **SITI ROHAIZAH ZAINAL**

KUALA LUMPUR - Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) menyifatkan kejayaan merangkul enam anugerah pada Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam Negeri Selangor (MIPANS) 2023 sebagai galakan untuk membudayakan ciptaan inovasi.

Yang Dipertuanya Dr Ani Ahmad berkata kemenangan yang melayakkan mereka memenangi RM34,500 itu mendorong kakitangannya terus mencipta teknologi terkini yang memberi manfaat kepada rakyat.

"Sebagai contoh inovasi mengalih

kenderaan terbiar, C4+ dicipta kerana penduduk mengalami masalah kereta terbiar di tempat letak kereta. Ciptaan ini memudahkan proses mengalih kenderaan dan tidak memerlukan keanggotaan ramai.



"Hasil uji pakai inovasi ini dalam tempoh lima bulan, kita berjaya mengalihkan 98 kenderaan di kawasan berstrata. Oleh itu, kita berhasrat memasarkan ciptaan ini kepada mereka yang berminat terutama di parkir bertingkat," katanya pada 22 Oktober.

MPAJ dinobatkan johan kategori Inovasi Sosial (Penciptaan) dan memenangi

Anugerah Projek Inovasi Hibrid Terbaik, Projek Inovasi Primer Terbaik dan Dokumentasi Terbaik serta ketiga kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Penciptaan) dan Inovasi Sosial (Penambahbaikan).

Sementara itu, Yang Dipertua Majlis Perbandaran Klang (MPK) Noraini Roslan berhasrat untuk mempertandingkan ciptaan inovasi sistem undian dan bidaan ke peringkat nasional dan antarabangsa.

"Ciptaan inovasi ini berguna untuk jabatan lain juga khususnya yang memerlukan undian dan bidaan. Dengan anugerah ini, ia menjadi motivasi untuk lebih mencipta inovasi dan kita mahu mempertandingkannya di peringkat lebih tinggi," katanya.

MBSJ sasar kutip hasil RM331 juta

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) menyasar kutipan hasil lebih RM331.035 juta pada 2024 berbanding RM315.035 juta tahun ini.

Datuk Bandar Subang Jaya Mohd Fauzi Mohd Yatim berkata cukai taksi-ran menjadi penyumbang utama MBSJ iaitu sebanyak RM232.5 juta atau bersa-

maan 70 peratus dari keseluruhan hasil.

Menyasar RM11.3 juta terimaan bukan hasil, beliau berkata hasil bukan cukai dianggarkan menjana RM87.2 juta dari kutipan lesen dan permit, bayaran perkhidmatan, jualan, sewaan dan denda.

"Hasil bukan cukai dianggarkan menjana hasil sebanyak RM87.2 juta," katanya

dalam pendengaran awam Bajet MBSJ 2024 yang dihadiri kira-kira 150 individu di sini pada 15 Oktober.

Mohd Fauzi berharap sesi pendengaran itu dimanfaatkan sebaik-baiknya bagi membantu MBSJ menjadi sebuah bandar raya mampan yang besar, kota niaga dan kediaman idaman.

RM300 juta anggaran belanja tahun depan

SUBANG JAYA - Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) mencadangkan anggaran perbelanjaan RM336.23 juta pada tahun depan bagi mencapai matlamat bandar raya pintar dan berdaya huni.

Datuk bandar Subang Jaya menjelaskan RM222.73 juta atau 66 peratus diperuntukkan bagi perbelanjaan mengurus manakala RM113.5 juta atau 34 peratus lagi untuk pembangunan.

Mohd Fauzi Mohd Yatim menambah pembangunan yang dirancang menumpukan enam ciri iaitu bandar selamat, bandar pintar, bandar sejahtera, bandar sihat, bandar hijau dan bandar makmur.

"Anggaran belanjawan 2024 yang dibentangkan hari ini iltizam yang memperlihatkan komitmen MBSJ bagi memberi perkhidmatan terbaik kepada seluruh warga kota Subang Jaya," katanya pada 15 Oktober.

Tong sampah pukal sempena Deepavali

SHAH ALAM - Warga Hulu Selangor yang mahu membuang perabot lama atau barangan secara pukal boleh menggunakan kemudahan tong sampah Roll On Roll Off (RORO) di 30 lokasi terpilih.

Majlis Perbandaran Hulu Selangor (MPHS) memaklumkan perkhidmatan antara 23 Oktober hingga 4 November disediakan percuma dengan sasaran kawasan penduduk yang menyambut Deepavali.

Menurut kenyataan, penyediaan tong berkapasiti tiga tan ditempatkan di sekitar Hulu Selangor iaitu Batang Kali, Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Kuala Kubu Bharu dan lain-lain kawasan.

Hubungi Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam MPHS menerusi talian 03-6064 1050 untuk sebarang pertanyaan berhubung tong RORO.

Kumpul 82,026 kg minyak terpakai

SHAH ALAM - Lebih 82,026 kilogram (kg) minyak masak terpakai dan 11,242 kg sisa barangan elektrik atau elektronik (e-waste) dikumpul Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ) setakat September.

Dalam kenyataan MPAJ pada 18 Oktober, terdapat 48 lokasi pengumpulan disediakan sejak Januari bagi menjayakan program yang bertujuan mengurangkan risiko pencemaran alam sekitar.

"Minyak masak terpakai yang dibuang tanpa kawalan boleh menyebabkan pencemaran air dan kerosakan infrastruktur seperti longkang tersumbat.

"Manakala barangan e-waste mengandungi bahan toksik berbahaya seperti merkuri dan plumbum yang boleh mengancam kesihatan serta alam sekitar," kata kenyataan itu lagi.

Belanja besar untuk pendidikan

GOMBAK - Sebahagian besar peruntukan Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI dalam program tanggungjawab sosial korporat (CSR) digunakan untuk sektor pendidikan.

Ketuanya Ahmad Azri Zainal Nor berkata sebanyak RM10 juta diagih untuk Program Tuisyen Rakyat Selangor (PTRS), bantuan infrastruktur sekolah dan pengurusan Persekitaran Ibu Bapa dan Guru (PIBG).

"Bidang pendidikan merupakan dana terbesar seperti PTRS melibatkan peruntukan RM7 juta untuk kelas pengajian, elaun guru dan makanan buat pelajar," katanya pada 18 Oktober.

Invest-UPM meterai MoU bioteknologi

KUALA LUMPUR - Invest Selangor Berhad (Invest Selangor) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) bagi mengembangkan sektor bioteknologi di negeri ini.

Menurut kenyataan agensi penggalak pelaburan negeri itu pada 21 Oktober, kerjasama berkenaan selaras Pelan Tindakan Bioteknologi Selangor (SBAP) dengan menumpukan beberapa cabang.

Tumpuan diberi dalam bidang bioteknologi perubatan dan penjagaan kesihatan, bioteknologi pertanian serta subsektor bioteknologi industri dan alam sekitar.

"Kerjasama ini tanda kesediaan kita memainkan peranan penting untuk meletakkan Selangor destinasi pelaburan bagi landskap bioteknologi," kata kenyataan.

Mohon ke tingkatan satu, enam

SHAH ALAM - Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) membuka permohonan bagi kemasukan pelajar tingkatan satu dan enam sesi 2024.

Agensi itu memaklumkan permohonan tingkatan enam ke Sekolah Agama Menengah (SAM) dan Sekolah Agama Menengah Tinggi (SAMT) dibuka sehingga 31 Oktober ini.

"Antara syarat kemasukan adalah pelajar mestilah warganegara Malaysia, memenuhi kelayakan akademik dan telah mendaftar Sijil Pelajaran Malaysia.

"Keutamaan juga diberikan kepada pelajar dari SAM, SAMT, Sekolah Menengah Agama Bestari (Sambest) dan Maahad Integrasi Tahfiz Selangor (Mits)," katanya menerusi poster di Facebook pada 18 Oktober.

Bagi kemasukan pelajar tingkatan satu, Jais menjelaskan permohonan ke SAM, SAMT, Sambest dan Mits akan dibuka bermula 7 hingga 22 Disember hadapan.

Menurutnya syarat kemasukan adalah ibu bapa terdiri daripada warganegara Malaysia dan perlu memenuhi

syarat kelayakan akademik.

"Selain itu, pemohon pernah bersekolah di Sekolah Rendah Agama (SRA), Sekolah Rendah Agama Islam (SRAI), Sekolah Rendah Islam (SRI), Kelas Al Quran dan Fardhu Ain (Kafa) atau Kafa Integrasi.

"Pemohon juga sudah boleh mula mengisi maklumat peribadi, ibu bapa serta penjaga," katanya.

Kedua-dua permohonan akademik itu boleh dibuat menerusi esekolah.jais.gov.my

RM100,000 sedia kemudahan percuma

Bekal lima sekolah tuaula wanita

Oleh **FITRI HAZIM HAZAM**

GOMBAK - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI berbelanja RM100,000 bagi menangani kemiskinan haid dengan menyediakan tuaula wanita percuma kepada pelajar kurang berkemampuan.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor berkata setiap satu dari lima sekolah dipilih menerima seunit mesin layan diri memuatkan tuaula percuma itu selama setahun.



Beliau menjelaskan projek rintis fasa pertama itu dijalankan menerusi peruntukan RM100,000 daripada keseluruhan RM200,000 yang diumumkan dalam Belanjawan Selangor pada tahun lalu.

"Kita mula dengan lima sekolah. Kalau berjalan baik, kita perluas kepada sekolah lain sebelum hujung tahun ini," katanya dalam majlis perasmian Projek Mekar 2023 di sini pada 18 Oktober.

Projek itu melibatkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Kertas (Gombak), SMK Putra Perdana (Sepang) dan SMK Kuala Selangor, SMK (Perempuan) Bukit Kuda dan

SMK Kapar di Klang.

Peneraju Projek Mekar Juwairiya Zulkifli pula berkata program itu bertujuan membantu pelajar yang dalam keadaan serba kekurangan dan tidak mampu untuk mendapatkan tuaula wanita.

"Cadangan saya, ia dilaksanakan di sekolah untuk menjaga kesejahteraan pelajar dengan sebaik-baiknya supaya mereka lebih berkeyakinan mendapat akses pendidikan yang baik.

"Saya hargai keprihatinan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari untuk melaksanakan projek ini. Harapan saya, projek ini diperluas tahun depan hingga ke seluruh daerah," katanya.

Dana untuk mangsa bencana

GOMBAK - Menteri Besar Selangor (Pemerbadanan) atau MBI ada menyediakan peruntukan khas untuk menyalur bantuan makanan dan bekalan asas kepada mangsa bencana.

Ketua Tanggungjawab Sosial dan Komunikasi Korporatnya Ahmad Azri Zainal Nor menjelaskan pihaknya bersedia dengan sebarang kemungkinan dalam

musim hujan pada hujung tahun ini.

"Belajar dari kejadian banjir pada 2021, MBI sentiasa bersedia untuk membantu serta menyediakan keperluan mangsa bencana seperti bekalan makanan, air mineral, selimut dan toto.

"Saya juga difahamkan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri menyediakan peruntukan se-

bagai persediaan menghadapi banjir yang akan diumumkan tidak lama lagi," katanya pada 18 Oktober.

Beliau menambah MBI turut menghulur sumbangan kepada mangsa bencana selain banjir antaranya bantuan segera RM50,000 kepada mangsa ribut tiga kampung di mukim Beranang pada September.

Bantu pulih akhlak 317 pelatih

SHAH ALAM - Pusat Perlindungan Wanita Baitul Ehsan kendalian Majlis Agama Islam Selangor (Mais) memulihkan 317 pelatih sepanjang lima tahun sejak 2018.

Pencapaian tersebut membuktikan kesungguhan pusat perlindungan itu dalam mem-

bimbing golongan wanita yang terlibat dengan gejala sosial untuk kembali ke pangkal jalan.

"Pelbagai program dibuat setiap tahun khusus kepada pelatih yang terlibat dengan gejala sosial dan akidah bagi melancarkan proses pemulihan, per-

indungan, rawatan, pencegahan dan kawalan.

"Mais berharap masyarakat turut memberi sokongan kepada mereka agar istiqamah berubah ke arah lebih baik untuk mereka kekal di jalan yang benar," kata kenyataan pada 19 Oktober.




PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD
(201401006213)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	TBA	SUPPLY OF AUXILIARY POLICE, SECURITY GUARD UNIFORMS AND ACCESSORIES FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (2 YEARS)
2.	TBA	PERKHIDMATAN PENGHANTARAN WANG TUNAI DAN CEK (CASH IN TRANSIT) DI KAUNTER PERKHIDMATAN PELANGGAN PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD BAGI TAHUN 2024 - 2026
3.	TBA	PROVISION OF RENTAL SERVICES FOR MULTI-FUNCTION COPIER MACHINES FOR A PERIOD OF 5 YEARS
4.	TBA	SUPPLY AND IMPLEMENTATION OF ZERO TRUST NETWORK ARCHITECTURE AND SUPPORT SERVICES FOR 2 YEARS
5.	PN0000016502	REHABILITATION AND UPGRADING OF RESIDUAL TREATMENT FACILITY AND OTHER ASSOCIATED WORKS AT SUNGAI RANGKAP WATER TREATMENT PLANT
6.	PN0000016473	RENOVATION OF SG. SEMENYIH STORE, INTERNAL FIT OUT AND EXTERNAL WORKS AT SG. SEMENYIH WATER TREATMENT PLANT, PRESINT 19, PUTRAJAYA
7.	TBA	SUPPLY AND DELIVERY OF PERMANENT LEAK NOISE CORRELATING LOGGERS FOR 2024 NRW PROGRAM

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.airselangor.com/vendor/tender-lists> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderairselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemas kini tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah **diwajibkan** untuk **berdaftar dengan Air Selangor**. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.airselangor.com/vendor> dan ikuti panduan yang dipaparkan di laman tersebut. Pendaftaran adalah **percuma**.



PUAS... Aaron Chia (kanan) bersama Soh Wooi Yik meraikan kemenangan Terbuka Denmark menewaskan pasangan Indonesia Shohibul Fikri-Bagas Maulana 21-13 21-17 dalam perlawanan akhir di Copenhagen pada 22 Oktober. Kali terakhir Malaysia meraih emas acara beregu pada 2016 menerusi gandingan Goh V Shem-Tan Wee Kiong. Foto Facebook Badminton Europe

Potensi raih kejayaan SUKMA 2024

RM10,000 rancak sukan memamah

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

KAJANG - Kerajaan Negeri menyumbang RM10,000 kepada Sekolah Kebangsaan (SK) Saujana Impian bagi menambah baik prasarana Pusat Kecemerlangan Sukan Memanah Selangor.

EXCO sukan berkata sekolah itu yang bekerjasama dengan Majlis Sukan Negeri Selangor dan Persatuan Memanah negeri membangunkan pusat itu sejak 2018.



"Sumbangan ini bagi menambah baik kemudahan sedia ada serta sebagai pengiktirafan terhadap komitmen sekolah dalam menjayakan program pembangunan atlet memamah.

"Kita mengharapkan kerjasama berterusan antara semua pihak bagi memastikan kelangsungan sukan memamah di Selangor, seterusnya mencungkil lebih banyak bakat," kata Najwan Halimi pada 18 Oktober.

Beliau yang merasmikan pusat berkenaan menambah memamah antara sukan prospek emas untuk Sukan

Malaysia (SUKMA) 2024 di Sarawak.

Sementara itu, Guru Besar Suminah Kasolang menghargai sumbangan Kerajaan Negeri dan sedia memberi komitmen tinggi dalam pembangunan sukan berkenaan.

"Komitmen Kerajaan Negeri ini menyokong usaha sekolah dalam membentuk kemenjadian murid yang cemerlang khususnya dalam sukan memamah," katanya.

Pada SUKMA 2022, Selangor meraih pingat emas dalam acara memamah compound 50 meter menerusi Muhammad Aliff Aiman Mohd Hasri.

Peluang belia timba pengalaman

SHAH ALAM - Individu berusia 18 tahun ke atas yang berminat dalam aktiviti amal dan kemasyarakatan dipelawa menyertai Sukarelawan Selangor (Serve).

Pengarah Eksekutif Majlis Sukan Negeri (MSN) Selangor Mohammad Nizam Marjuki berkata pihaknya mencari 50 hingga 100 sukarelawan baharu dari seluruh daerah untuk misi pascabanjir.

"Kita memerlukan sukarelawan sebagai persediaan Monsun Timur Laut.

Bencana bila-bila masa boleh berlaku dan fenomena ini mungkin mengakibatkan banjir serta menjejaskan penduduk.

"Jadi lebih ramai khidmat diperlukan untuk bersama Serve. Kebanyakan sukarelawan sedia ada tiada kelapangan, tidak seperti ketika banjir besar pada 2021.

"Sekarang jika berlaku banjir kilat mahu cari 50 orang sukarelawan dari satu-satu daerah agak sukar. Justeru, kita pelawa sesiapa yang berminat un-

tuk jadi sebahagian kami," katanya pada 18 Oktober.

Beliau berkata sukarelawan akan memperoleh sijil penghargaan selain menimba pengalaman membantu mangsa bencana.

"Memang kita tidak sediakan elaun tetapi makan minum disediakan termasuk peralatan untuk buat kerja sukarelawan," katanya.

Pendaftaran Serve menerusi pautan tinyurl.com/ServeSelangor

Renang beri pingat pertama Para Asia

SHAH ALAM - Atlet renang menyumbang pingat pertama kontinjen negara di Sukan Para Asia Hangzhou 2022 apabila meraih emas acara 100 meter kuak dada lelaki SB4 (kecacatan fizikal).

Muhammad Nur Syaiful Zulkafli mencatat satu minit 46.78 saat yang juga rekod baharu temasya mengatasi atlet China dan rakan senegara Zy Lee Kher.

Atlet berusia 28 tahun itu berkata kejayaan itu menebus kekecewaan pada 2018 selepas penyertaannya dibatal, lapor Bernama.

"Untuk hari pertama ini, saya tidak jangka dapat emas sebab acara ini susah. Tidak sangka dapat perbaharui rekod juga," katanya pada 23 Oktober.

Ratu wushu sambar emas di Arab Saudi

SHAH ALAM - Ratu wushu negara, Tan Cheong Min mengharumkan nama Malaysia selepas merangkul pingat emas acara kombinasi nanquan dan nandao wanita pada temasya Sukan Tempur Dunia 2023 di Universiti King Saud Arab Saudi.

Juara dunia 2019 itu mengungguli saingan selepas mengumpul keseluruhan 19.486 mata menewaskan atlet Uzbekistan Darya Latisheva (perak) dan wakil Iran Hanieh Rajabi (gangsa).

"Kali ini saya mampu meraih pingat emas, kejohanan ini juga sebagai platform dan persiapan bagi menghadapi Kejohanan Dunia (di Texas, Amerika Syarikat pada November)," katanya seperti dilapor Berita Harian pada 22 Oktober.

Malaysia turut menuai gangsa dalam acara kombinasi jianshu dan qiangshu wanita menerusi Pang Pui Yee yang mengumpul keseluruhan 19.392 mata dalam saingan akhir.

Ziyad ungguli acara lontar peluru

SHAH ALAM - Muhammad Ziyad Zolkefli terus membuktikan kehebatannya selepas berjaya mempertahankan pingat emas acara lontar peluru lelaki F20 (masalah intelektual) pada Sukan Para Asia Hangzhou 2022.

Jaguh lontar peluru negara itu melakukan balingan sejauh 16.65 meter pada percubaan ketiga tanpa mampu dicabar tiga wakil lain pada 24 Oktober, lapor Bernama.

Atlet kelahiran Selangor itu menewaskan rakan senegara Mohamad Aliff Mohamad Awi yang merangkul perak dengan catatan 13.75m, manakala atlet Thailand Sanepoot Boonkong ketiga.

"Saya cukup berpuas hati dengan kejayaan hari ini dan kejayaan ini saya haddahkan buat seluruh rakyat Malaysia. Rasa bangga dapat membuat hatrik pada tiga temasya berturut-turut," katanya.



BORHAN AMAN SHAH
Tanjung Sepat

merasmikan pertandingan
bola jaring di Dataran
Pantai Batu Laut, Kuala Langat

DATUK RIZAM ISMAIL
Sungai Air Tawar

meraikan Hari Sukan Negara
bersama masyarakat
di Sabak Bernam,



ANFAAL SAARI
Taman Templer

melawat keadaan sekolah
bersama pentadbir di kawasan
DUN beliau

MICHELLE NG MEI SZE
Subang Jaya

menghadiri sambutan
maulidur rasul di Masjid
al-Falah, Subang Jaya



AZMIZAM ZAMAN HURI
Pelabuhan Klang

meninjau masalah jalan
rosak di Pelabuhan
Utara, Klang

ABBAS AZMI
Seri Serdang

melihat penduduk
menyiapkan muruku
di DUN beliau



CHEONG KIAN YOUNG
Kajang

berbincang bersama
wakil peniaga pasar
di kawasan DUN beliau

ONG CHUN WEI
Balakong

mendengar aduan
penduduk di Taman
Putri Jaya, Kajang



Sultan titah DNS
berlangsung tertib

2

Mydin langgan
e-dompot Wavpay

4

Dana tinggi bina
rumah untuk rakyat

6

Bantuan lebih RM21
juta kepada peniaga

8

selangorkini

Rancak potensi raih
emas SUKMA

21

Siaran langsung belanjawan 10 Nov

SHAH ALAM - Belanjawan Selangor 2024 akan dibentangkan Dato' Menteri Besar Dato' Seri Amirudin Shari di Dewan Negeri Selangor pada 10 November.

Pembentangan itu boleh ditonton secara langsung menerusi Facebook Media Selangor pada jam 3 petang.

Liputan berita majlis penting itu boleh diikuti melalui portal Selangorkini (selangorkini.my) dan tiga edisi lain termasuk Mandarin (selangorkini.my/zh-hans/) dan Tamil (selangorkini.my/ta/).

Edisi Inggeris boleh dicapai melalui pautan selangorjournal.my

Maklumat pantas dan infografik berhubung isi menarik dan program utama Kerajaan Negeri akan dimuatkan di media sosial Media Selangor pada petang Jumaat tersebut.

Akhbar Selangorkini edisi Belanjawan Selangor 2024 juga diterbitkan dan mula diedar pada 11 November.

Pameran Anak-anak Sidek 1 November

SHAH ALAM - Pameran Anak-anak Sidek diadakan selama enam bulan mulai 1 November di Muzium Sultan Alam Shah di sini, kata EXCO Kebudayaan dan Warisan Borhan Aman Shah.

Katanya, pameran percuma itu memberi peluang orang ramai khususnya peminat badminton melihat koleksi piala, pingat, gambar dan barangan milik anak Allahyarham Datuk Sidek Abdullah Kamar.

"Perbadanan Adat Melayu dan Warisan Negeri Selangor mengadakan perjumpaan dengan Datuk Misbun dan Datuk Seri Jalani. Mereka setuju dan sudah serah barangan kepada kita.

"Persetujuan melibatkan tiga perkara iaitu pinjaman, serahan sementara dan hadiah (sumbangan kepada muzium)," katanya pada 21 Oktober.



Fauziah (tengah) menerima penghargaan daripada Borhan dalam majlis Anugerah Seni Budaya Negeri Selangor di Hotel De Palma, Shah Alam pada 21 Oktober.
Foto FIKRI YUSOF

Iktiraf sumbangan pengkarya

Fauziah Nawi tokoh seni negeri

Oleh **SUHAILA SHAHRUL ANNUAR**

SHAH ALAM - Seniwati Datuk Fauziah Nawi dinobatkan sebagai penerima Anugerah Seni Budaya Selangor atas ketokohnya dalam bidang seni terutama teater.

Anugerah tersebut disampaikan EXCO Kebudayaan Borhan Aman Shah melayakkan Fauziah yang juga penerbit, pengarah dan pelakon filem membawa pulang wang tunai RM3,000, piala dan sijil.

Borhan berkata pihaknya berhasrat meluaskan anugerah berkenaan kepada pelbagai bidang bagi menghargai

lebih ramai penggiat seni termasuk penyair dan penyajak.

"Pengiktirafan ini atas usaha mereka. Memang sudah lama kita rancang dan kemungkinan akan buat anugerah bagi penggiat seni berbilang kaum.

"Kita akan pastikan penggiat seni ini tidak dilupakan dan kerja keras mereka dihargai," katanya di Hotel De Palma pada 21 Oktober.

Pada majlis sama, tiga lagi anugerah turut disampaikan iaitu Anugerah Penggiat Seni, Anugerah Sinar Seni dan Anugerah Pemangkin Seni Budaya dengan penerima masing-masing membawa pulang RM1,000, piala dan sijil.

Sementara itu, Fauziah berkata

anugerah berkenaan mengiktiraf usaha kerasnya dalam bidang seni dan budaya sejak 50 tahun lalu.

"Awak buat kerja, awak dapatlah. Apa-apa kerja awak buat, kena buat betul-betul. Tak boleh buat kerja main-main. Buat apa pun kena betul-betul. Seni tak boleh main-main. Sebab orang rasa masuk seni ini semua 'drop out' (tercicir), tiadalah," katanya.

Anugerah Seni Budaya Negeri bertujuan mengiktiraf dan menghargai penggiat budaya dan persatuan yang bertungkus lumus menghasilkan karya, membangunkan dan menyemarakkan industri seni di Selangor dan Malaysia amnya.

pancawarna

Pelopor hasil padi tertinggi negara

Bendang di
Sekinchan rekod
pengeluaran
12 tan per hektar

9



Kerana doakan Palestin, hilang tajaan RM57,000

Endang Hyder tidak
gentar bersuara
sokong anak-anak
bumi Gaza

10



Kajian attosaat menang Nobel fizik

Penemuan
bolehkan ahli
sains mencerap
pergerakan pantas

14

